



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	iii
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	vi
<b>BAHAGIAN I : PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007</b>	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	2
Penarafan Indeks Akauntabiliti Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	2
<b>BAHAGIAN II : ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor Audit	29
<b>BAHAGIAN III : RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)	30
<b>BAHAGIAN IV : PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	33
Rumusan Dan Syor Audit	45
<b>BAHAGIAN V : PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	47
Rumusan Dan Syor Audit	72
<b>BAHAGIAN VI : PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM</b>	

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Pendahuluan	74
Pengauditan Penyata Kewangan	74
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	75
Persijilan Penyata Kewangan Tahun 2006	75
Pembentangan Penyata Kewangan	76
Prestasi Kewangan	76
 <b>BAHAGIAN VII : TINDAKAN SUSULAN TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2006</b>	
Pendahuluan	80
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	80
 <b>BAHAGIAN VIII : PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI</b>	84
<b>PENUTUP</b>	85
 <b>LAMPIRAN</b>	
I Sijil Ketua Audit Negara	86
II Lembaran Imbangan	87
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	88
IV Penyata Akaun Memorandum	89
V Nota Kepada Penyata Kewangan	90
VI Kedudukan Penyerahan dan Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Sehingga 30 Mei 2007	93

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

### **1.1 Pengauditan Penyata Kewangan**

Untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Mulai tahun ini, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Indeks Akauntabiliti terhadap pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Selain menentukan gambaran kedudukan benar dan saksama terhadap kedudukan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit telah melaksanakan satu inovasi dengan menetapkan penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam pengesahan penyata kewangan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan atau tidak memuaskan.

### **1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan**

Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi penarafan berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik. Selain itu, “budaya membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 819 baucar bayaran bernilai RM185.21 juta, 26,994 penyata pemungut bernilai RM516.30 juta dan 130 baucar jurnal bernilai RM253.86 juta.

3. **Pengauditan Syarikat Kerajaan** – Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam Syarikat Kerajaan/Swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan/Syarikat Subsidiari/Agensi Negeri amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Jabatan Audit Negara telah mendapat perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan/Syarikat Subsidiari/Agensi Negeri berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003. Jabatan Audit Negara pada tahun 2007 telah menjalankan pengauditan terhadap Syarikat PDC Nusabina Sdn. Bhd.

4. Laporan ini dibahagikan kepada 8 Bahagian seperti berikut:

- |                      |  |
|----------------------|--|
| <b>BAHAGIAN I</b>    | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang<br>Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007                                     |
| <b>BAHAGIAN II</b>   | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri  |
| <b>BAHAGIAN III</b>  | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri  |
| <b>BAHAGIAN IV</b>   | - Prestasi Pengurusan Kewangan<br>Jabatan/Agensi Negeri  |
| <b>BAHAGIAN V</b>    | - Pengurusan Syarikat Subsidiari Kerajaan/Agensi Negeri  |
| <b>BAHAGIAN VI</b>   | - Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata<br>Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan<br>Dan Majlis Agama Islam |
| <b>BAHAGIAN VII</b>  | - Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai<br>Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2006                                  |
| <b>BAHAGIAN VIII</b> | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat<br>Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri                                     |

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada

pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung iaanya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

6. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan Garis Panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu diminta melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b) **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa.
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya  
25 Jun 2008

## **INTI SARI LAPORAN**

### **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

1. Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2007 adalah baik. Kesemua angka dalam Penyata Kewangan dapat disahkan kerana dokumen sokongan yang mencukupi telah dikemukakan. Pada keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007. Penarafan Indeks Akauntabiliti Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

### **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengalami peningkatan sejumlah RM76.96 juta atau 9.92% iaitu berjumlah RM847.45 juta pada tahun 2007 berbanding RM770.49 juta pada tahun 2006. Sementara itu, hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM295.86 juta pada tahun 2007 meningkat sejumlah RM15.36 juta atau 5.5% berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM280.50 juta. Manakala perbelanjaan yang dilakukan telah menurun sejumlah RM17.38 juta menjadi RM252.25 juta berbanding RM269.63 juta pada tahun 2006. Kerajaan Negeri perlu terus berusaha untuk menambah hasil dan mengekalkan perbelanjaan secara berhemat untuk memastikan kedudukan kewangannya bertambah baik.

### **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

3. Pada tahun 2007, sebanyak 2,362 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 9 Jabatan. Pada keseluruhannya, sebanyak 2,193 projek telah siap dilaksanakan, sebanyak 130 projek sedang dilaksanakan dan sebanyak 39 projek belum mula. Sejumlah RM240.06 juta atau 27% daripada peruntukan RM887.73 juta telah dibelanjakan setakat 31 Disember 2007. Pada tahun 2007, daripada RM147.10 juta yang telah diperuntukkan sejumlah RM129.38 juta atau 88% telah dibelanjakan.

#### **BAHAGIAN IV - PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

4. Indeks Akauntabiliti pengurusan kewangan bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Majlis Agama Islam, Jabatan Taman Botani dan Jabatan Pengaliran Dan Saliran adalah di tahap baik. Manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah di tahap memuaskan. Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah-langkah penambahbaikan dijalankan oleh Jabatan.

#### **BAHAGIAN V - PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI**

##### **PDC NUSABINA SDN. BHD.**

5. PDC Nusabina Sdn. Bhd. (Syarikat), adalah sebuah syarikat pembinaan yang merupakan anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Semakan Audit mendapati tadbir urus korporat, pengurusan sumber manusia, pengurusan operasi dan pengurusan pentadbiran Syarikat berada pada tahap yang memuaskan. Dari segi perancangan strategik, walaupun Syarikat telah menyediakan bajet tahunannya dengan baik tetapi tidak ada perancangan jangka panjang disediakan. Syarikat ada mengambil langkah memantau risiko yang dihadapinya menerusi mesyuarat yang diadakan tetapi tiada laporan disediakan. Berdasarkan kepada nisbah pertumbuhan Syarikat yang positif, Syarikat sedang berkembang dengan mendapat pulangan yang bertambah baik pada tahun 2007 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Bagaimanapun, berdasarkan nisbah kecairannya yang rendah, Syarikat tidak mempunyai tunai di bank dan simpanan tetap yang mencukupi untuk menjelaskan tanggungan jangka pendeknya. Keupayaan Syarikat menggunakan ekuiti dan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatannya adalah memuaskan tetapi pada kadar pulangan yang rendah. Aliran tunai masuk Syarikat pada tahun 2007 adalah tidak memuaskan. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Syarikat pada tahun 2007 adalah bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya kerana memperoleh keuntungan berjumlah RM0.82 juta berbanding sejumlah RM0.63 juta pada tahun 2006 dan kerugian sejumlah RM1.01 juta pada tahun 2005.

**BAHAGIAN VI - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN  
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM**

6. Semua agensi telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2006 untuk pengauditan. Pengesahan telah dilaksanakan terhadap kesemua 10 penyata kewangan Agensi Negeri di mana 7 Agensi Negeri dan 3 Kumpulan Wang memperolehi Sijil Tanpa Teguran. Sehingga akhir bulan Mei 2008, tiga Kumpulanwang bagi tahun kewangan 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Penyata kewangan lima agensi yang dibentangkan adalah bagi tahun 2005, manakala bagi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang pula penyata kewangan yang dibentangkan adalah bagi tahun 2001. Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang tidak pernah dibentangkan kerana keperluan ini tidak dinyatakan dalam enakmennya.

**BAHAGIAN VII - TINDAKAN SUSULAN TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN  
NEGERI TAHUN 2006**

7. Jabatan/Agenzi telah mengambil tindakan proaktif ke arah penambahbaikan berhubung perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006. Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan. Begitu juga dengan pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi. Tindakan pembetulan telah diambil kecuali beberapa isu yang masih dalam tindakan pengemaskinian.

**BAHAGIAN VIII - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM  
NEGERI**

8. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2007. Sepanjang tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2005.

**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**  
**PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

## **1. PENDAHULUAN**

**1.1** Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

**1.2** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Jabatan Audit Negara pada **2 Januari 2008**. Bagaimanapun, penyata tersebut dipulangkan kepada Perbendaharaan Negeri sebanyak 2 kali untuk dipinda dan mengambil kira perbelanjaan di bawah Akaun Kena Bayar. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah dipinda dikembalikan kepada Jabatan Audit Negara pada **25 Februari 2008** dan **16 April 2008**. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

**1.2.1** Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulanwang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan perakaunan asas tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan am dan pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.2.2** Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2007. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, harta modal dan bayaran balik pinjaman.

**1.2.3** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan Ekuiti Dalam Syarikat, Pelaburan Pengurus Dana, Tunggakan Hasil dan Pajakan Projek Bekalan Air. Manakala liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

**1.3** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**1.4** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan Perbendaharaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

## **2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpanduan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran V**.

## **3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Selain memberi pendapat mengenai kedudukan benar dan saksama terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam pengesahan penyata kewangan sebagai KPI sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di tahap sangat baik, baik, memuaskan dan tidak memuaskan. Penilaian terhadap Penyata Kewangan meliputi peringkat interim dan muktamad.

### **3.1 Peringkat Interim**

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan terhadap kawalan terimaan, kawalan pembayaran, baucar jurnal dan penyata bulanan Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri (SPEKS). Penilaian telah dilaksanakan terhadap butiran:

### **3.1.1 Terimaan**

Penilaian telah dilaksanakan terhadap penyerahan akaun tunai bulanan, pemprosesan penyata pemungut, pengesahan penyata penyesuaian hasil dan penyata penyesuaian bank (akaun terimaan).

### **3.1.2 Kawalan Pembayaran**

Penilaian telah dilaksanakan terhadap baucar bayaran, penyata penyesuaian bank (akaun bayaran), pengesahan penyata penyesuaian perbelanjaan, kawalan cek/stok cek, cek terbatal, dan pindahan dana elektronik.

### **3.1.3 Baucar Jurnal**

Penilaian terhadap kawalan dalaman, sistem, penyediaan dan pemprosesan baucar jurnal.

### **3.1.4 Penyata Bulanan SPEKS**

Penyata bulanan SPEKS yang dikeluarkan berkaitan dengan wang tunai, akaun perbelanjaan, akaun hasil dan akaun amanah telah dinilai di bawah kawalan ini.

## **3.2 Peringkat Muktamad**

Di peringkat muktamad penilaian telah dilaksanakan terhadap penyediaan dan persempahan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

**Pada pendapat Audit, penyediaan dan persempahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.**

## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

#### 4. ANALISIS KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2007, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum Wang Awam, Penyata Akaun Memorandum Tanggungan dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

##### 4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

**4.1.1** Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulanwang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM847.45 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM5.36 juta dan pelaburan sejumlah RM842.08 juta. Kumpulanwang Disatukan, terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Kedudukan Kumpulanwang Disatukan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**

**Kedudukan Kumpulanwang Disatukan Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan / (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	329.98	373.59	43.61	13.2
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	-
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	440.51	473.86	33.35	7.6
	<i>i) Kumpulanwang Amanah Kerajaan</i>	78.79	105.72	26.93	34.2
	<i>ii) Kumpulanwang Pembangunan</i>	79.44	102.33	22.89	28.8
	<i>iii) Kumpulanwang Amanah Awam</i>	55.24	59.64	4.40	8.0
	<i>iv) Deposit</i>	227.04	206.17	(20.87)	(9.2)
<b>Jumlah</b>		<b>770.49</b>	<b>847.45</b>	<b>76.96</b>	<b>10.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**4.1.2** Kedudukan Kumpulanwang Disatukan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Kedudukan Kumpulanwang Disatukan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	207.37	235.92	319.11	329.98	373.59
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	12.01	5.21	0	0	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	360.30	310.55	475.57	440.51	473.86
	<i>i) Kumpulanwang Amanah Kerajaan</i>	44.77	17.82	114.49	78.79	105.72
	<i>ii) Kumpulanwang Pembangunan</i>	50.12	27.57	114.68	79.44	102.33
	<i>iii) Kumpulanwang Amanah Awam</i>	37.37	43.41	48.04	55.24	59.64
	<i>iv) Deposit</i>	228.04	221.75	198.36	227.04	206.17
<b>Jumlah</b>		<b>579.68</b>	<b>551.68</b>	<b>794.68</b>	<b>770.49</b>	<b>847.45</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**4.1.3** Analisis Audit mendapati kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2007 adalah bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan peningkatan dalam Akaun Hasil Disatukan, Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Amanah Awam. Bagaimanapun, Akaun Deposit mengalami pengurangan sejumlah RM20.87 juta atau 9.2% berbanding tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pemindahan wang daripada Akaun Deposit Jabatan Kewangan Negeri ke Akaun Hasil Disatukan berhubung bayaran balik pinjaman Projek Bekalan Air dengan Kerajaan Persekutuan.

## 4.2 WANG TUNAI

**4.2.1** Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Manakala wang tunai dalam tangan terdiri daripada panjar wang runcit, panjar Kumpulanwang Amanah Bantuan TYT Yang di-Pertua Negeri dan panjar seperduabelas Jabatan Kerja Raya.

**4.2.2** Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan pengurangan berjumlah RM0.63 juta atau 10.5% menjadi RM5.36 juta berbanding RM5.99 juta pada tahun 2006. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 3**.


**Jadual 3**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	4.99	4.27	(0.72)	(14.4)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.66	0.75	0.09	13.6
3.	Panjar Wang Runcit	0.34	0.34	0	-
	<b>Jumlah</b>	<b>5.99</b>	<b>5.36</b>	<b>(0.63)</b>	<b>(10.5)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**4.2.3** Kedudukan baki wang tunai Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 1**.

**Carta 1**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**4.2.4** Analisis Audit menunjukkan jumlah baki Wang Tunai Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2003 hingga 2007 mengalami penurunan dari setahun ke setahun. Ini adalah kerana wang tunai tidak lagi disimpan secara berlebihan tetapi dilaburkan dalam simpanan tetap bagi tujuan memperolehi pulangan atas pelaburan.

### 4.3 PELABURAN

Pelaburan adalah pembelian dan penjualan aset dan instrumen kewangan selain daripada wang tunai. Sumber pelaburan adalah daripada Akaun Hasil Disatukan atau Kumpulanwang Amanah. Oleh itu, pelaburan dapat diklasifikasikan kepada Pelaburan Kumpulanwang Amanah dan Pelaburan Am. Jenis pelaburan adalah seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia, Saham, Syer dan Deposit Dalam Negeri. Analisis perbandingan jumlah pelaburan bagi

tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan peningkatan sejumlah RM77.58 juta atau 10.1% menjadi RM842.08 juta pada akhir tahun 2007, berbanding RM764.50 juta pada akhir tahun 2006. Kedudukan pelaburan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 4**.


**Jadual 4**  
**Pelaburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Pelaburan Kumpulanwang Amanah terdiri daripada:				
	i. Kumpulanwang Biasiswa	0.08	0.08	0	0
	ii. Kumpulanwang Kebajikan Masyarakat	0.65	0.73	0.08	12.3
	iii. Kumpulanwang Amanah Bantuan TYT Yang di-Pertua Negeri	0.82	4.82	4.00	487.8
2.	Pelaburan Am terdiri daripada:				
	i. Simpanan Tetap	731.50	805.00	73.50	10.0
	ii. Saham dan Syer	31.45	31.45	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>764.50</b>	<b>842.08</b>	<b>77.58</b>	<b>10.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**4.3.1** Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 2**.

**Carta 2**  
**Kedudukan Pelaburan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Carta 2** menunjukkan peningkatan jumlah pelaburan tahun 2007 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan baki pelaburan Kumpulanwang Amanah berjumlah RM4.08 juta pada tahun 2007 adalah terutamanya disebabkan pelarasan simpanan tetap yang berjumlah RM4 juta bagi Kumpulanwang Bantuan TYT Yang di-Pertua Negeri yang tidak diambilkira pada tahun 2006. Peningkatan jumlah Pelaburan Am pula disebabkan peningkatan pelaburan dalam simpanan tetap berjumlah RM73.50 juta.

#### 4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan adalah akaun semasa kerajaan. Hasil kerajaan dibayar masuk ke dalam akaun ini, manakala perbelanjaan mengurus dibayar keluar dari akaun ini. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2007 dengan surplus sejumlah RM43.61 juta. Surplus ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM295.86 juta berbanding perbelanjaan Kerajaan Negeri berjumlah RM252.25 juta pada tahun 2007. Dengan surplus ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat kepada RM373.59 juta pada 31 Disember 2007.

##### 4.4.1 Hasil

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM295.86 juta iaitu meningkat sejumlah RM15.36 juta atau 5.5% berbanding tahun 2006 berjumlah RM280.50 juta. Peningkatan pungutan hasil ini adalah daripada lebihan Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM22.76 juta setelah ditolak kurangan Hasil Cukai sejumlah RM7.40 juta dibandingkan tahun 2006. Jumlah hasil mengikut 3 kategori adalah seperti di **Jadual 5**.


**Jadual 5**  
**Pungutan Hasil Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Lebihan/(Kurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	100.56	93.16	(7.40)	(7.4)
2.	Hasil Bukan Cukai	120.32	129.58	9.26	7.7
3.	Terimaan Bukan Hasil	59.62	73.12	13.50	22.6
<b>Jumlah</b>		<b>280.50</b>	<b>295.86</b>	<b>15.36</b>	<b>5.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tempoh 2003 hingga 2007, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah daripada kutipan Cukai Tanah Semasa, Pemberian Hitung Kepala, Faedah Daripada Wang Simpanan Tetap, Premium Tanah – Pemberian Hakmilik dan Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah. Analisis terhadap 5 butiran penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 3**.

**Carta 3**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Analisis Audit mendapati bagi tempoh 2003 hingga 2007, kutipan Cukai Tanah adalah merupakan penyumbang terbesar antara 5 butiran hasil tersebut dengan kutipan berjumlah RM435.03 juta bagi tempoh 5 tahun berkenaan. Penyumbang kedua dan ketiga terbesar adalah daripada Pemberian Hitung Kepala dan Faedah Daripada Wang Simpanan Tetap yang berjumlah RM108.71 juta dan RM93.61 juta masing-masing bagi tempoh 5 tahun berkenaan.

Analisis lanjut mendapati pada tahun 2007, sebanyak 55 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM38.98 juta manakala 52 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM15.97 juta.

- a) 3 daripada 55 butiran hasil yang telah mencatatkan peningkatan yang ketara melebihi 10% pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Peningkatan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Terimaan Balik Bayaran Tahun-tahun Lalu	0.19	24.73	24.54	12,915.8	Bayaran balik pinjaman mengenai Projek Bekalan Air yang dipindahkan ke Akaun Deposit pada tahun 2006 dipelaraskan ke Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2007.
2.	Premium Tanah– Pemberian Milik Bayaran Khas	3.72	6.50	2.78	74.7	Pertambahan aktiviti pemberian milik tanah.
3.	Premium Tanah– Tukar Syarat	6.28	8.34	2.06	32.8	Pertambahan aktiviti tukar syarat tanah.
<b>Jumlah</b>		<b>10.19</b>	<b>39.57</b>	<b>29.38</b>	<b>288.32</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- b) 2 butiran hasil yang telah mencatatkan penurunan yang ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Penurunan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	10.71	6.48	(4.23)	39.5	Keputusan Akauntan Negara untuk mengurangkan bayaran.
2.	Permit Dan Lesen Haiwan	2.10	1.24	(0.86)	41.0	Kurangnya pengeluaran permit dan lesen haiwan kerana wabak penyakit kuku dan mulut.
<b>Jumlah</b>		<b>12.81</b>	<b>7.72</b>	<b>(5.09)</b>	<b>39.73</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

#### **4.4.2 Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan ini adalah bagi membiayai aktiviti sehari-hari yang berulang. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada 2 jenis iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulanwang Disatukan seperti

Gaji dan Elaun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, Elaun/Ganjaran/Pencen Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Bayaran Balik Pinjaman dan lain-lain bayaran dengan perintah mahkamah dan Perbelanjaan Perbekalan bagi membiayai aktiviti dan kegiatan harian jabatan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan Lain.

Perbelanjaan Kerajaan Negeri secara keseluruhannya menurun sejumlah RM17.38 juta atau 6.4% iaitu daripada RM269.63 juta pada tahun 2006 menjadi RM252.25 juta pada tahun 2007. Penurunan perbelanjaan ini adalah berpunca daripada penurunan perbelanjaan Aset dan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap yang berjumlah RM33.39 juta berbanding tahun 2006. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 dan 2007 mengikut pecahan butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan / (Pengurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Emolumen	72.02	78.15	6.13	8.5
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	55.58	59.67	4.09	7.4
3.	Aset	4.98	2.18	(2.80)	(56.2)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	136.66	106.07	(30.59)	(22.4)
5.	Perbelanjaan Lain	0.39	6.18	5.79	1,484.6
<b>Jumlah</b>		<b>269.63</b>	<b>252.25</b>	<b>(17.38)</b>	<b>(6.4)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Analisis Audit mendapati pada tahun 2007 sebanyak 15 butiran perbelanjaan meningkat sejumlah RM24.01 juta manakala sebanyak 11 butiran perbelanjaan menurun sejumlah RM41.41 juta.

- a) 3 butiran perbelanjaan yang meningkat dengan ketara melebihi 10% pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Peningkatan Perbelanjaan Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Gaji dan Upahan	44.53	50.28	5.75	12.9	Penambahan perjawatan melalui penstruktur semula dan kenaikan gaji kakitangan
2.	Bayaran-bayaran Lain	0.28	5.12	4.84	1,728.6	Bayaran tunggakan kos tapak tanah dan penyelenggaraan Stadium Batu Kawan
3.	Elaun Tetap	17.32	21.53	4.21	24.3	Penambahan perjawatan melalui penstruktur semula
<b>Jumlah</b>		<b>62.13</b>	<b>76.93</b>	<b>14.80</b>	<b>23.8</b>	

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- b) 2 butiran perbelanjaan yang menurun dengan ketara melebihi 10% pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 10**.


**Jadual 10**  
**Penurunan Perbelanjaan Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran Hutang Negeri Yang Lain	30.21	5.61	24.60	81.4	Bayaran balik pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan mengenai Projek Bekalan Air tidak dibuat pada tahun 2007
2.	Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	5.93	1.23	4.70	79.3	Bayaran bonus tidak dibuat pada tahun 2007
<b>Jumlah</b>		<b>36.14</b>	<b>6.84</b>	<b>29.3</b>	<b>81.1</b>	

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- c) Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 4**.

**Carta 4**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Analisis Audit mendapati trend perbelanjaan mengurus bagi tempoh 2003 hingga 2007 mengalami penurunan dan kenaikan. Jumlah perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2004 dan 2005 telah menurun. Bagaimanapun, pada tahun 2006, perbelanjaan mengurus telah meningkat. Pada tahun 2007 pula perbelanjaan mengurus telah menurun sedikit berbanding tahun 2006. Ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri hanya membayar pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah kepada Kerajaan Persekutuan. Adalah didapati juga bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007, perbelanjaan Kerajaan Negeri yang terbesar ialah bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap iaitu berjumlah RM552.62 juta. Ini diikuti oleh perbelanjaan bagi Emolumen yang berjumlah RM339.32 juta dan Perkhidmatan Dan Bekalan yang berjumlah RM246.85 juta bagi tempoh 5 tahun berkenaan.

#### 4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

**4.5.1** Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulanwang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2006. Baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah sifar kerana pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Pinjaman	Tahun		Peningkatan	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki 1 Januari	0	0	0	-
Terimaan	0	59.38	59.38	100
Bayaran	0	59.38	59.38	100
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>-</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**4.5.2** Kedudukan baki pinjaman mengikut kategori pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Baki Pinjaman Mengikut Kategori Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Perumahan Murah	42.64	38.13	(4.51)	(10.6)
2.	Membiayai Projek Bekalan Air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	397.67	457.05	59.38	14.9
3.	Membiayai Projek Majlis Perbandaran - Pembentungan Najis	1.33	1.33	0	0
4.	Program Menangani Masalah Y2K Kerajaan	0.36	0	(0.36)	(100)
<b>Jumlah</b>		<b>442.00</b>	<b>496.51</b>	<b>54.51</b>	<b>12.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**4.5.3** Pertambahan baki pinjaman pada tahun 2007 disebabkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima pinjaman baru berjumlah RM59.38 juta untuk dua Projek Bekalan Air iaitu bagi membiayai Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW) dan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang.

**4.5.4** Kedudukan baki pinjaman bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Baki Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Kerajaan Persekutuan**  
**Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

<b>Bil.</b>	<b>Pinjaman</b>	<b>Tahun</b>				
		<b>2003 (RM Juta)</b>	<b>2004 (RM Juta)</b>	<b>2005 (RM Juta)</b>	<b>2006 (RM Juta)</b>	<b>2007 (RM Juta)</b>
1.	Rancangan Perumahan Murah	37.07	44.53	46.97	42.64	38.13
2.	Membiai Projek Bekalan Air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	331.34	339.34	397.67	397.67	457.05
3.	Membiai Projek Majlis Perbandaran -Pembentungan Najis	1.56	1.33	1.33	1.33	1.33
4.	Program Menangani Masalah Y2K Kerajaan	1.45	1.08	0.73	0.36	0.00
5.	Program Pembaharuan Bandar dan Pemuliharaan Premis-premis Akta Kawalan Sewa	22.82	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>394.24</b>	<b>386.28</b>	<b>446.70</b>	<b>442.00</b>	<b>496.51</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kedudukan baki pinjaman Projek Majlis Perbandaran untuk Pembentungan Najis sejumlah RM1.33 juta pada akhir tahun 2006 dan 2007 tidak berubah kerana Kerajaan Negeri telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menghentikan bayaran balik pinjaman. Sementara itu, Kerajaan Negeri membuat bayaran balik sejumlah RM4.87 juta untuk pokok dan sejumlah RM0.74 juta untuk faedah pinjaman bagi Rancangan Perumahan Murah dan Program Menangani Masalah Y2K Kerajaan.

#### **4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Deposit. Baki Kumpulanwang ini pada 31 Disember 2007 adalah berjumlah RM473.86 juta berbanding RM440.51 juta pada akhir tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM33.35 juta atau 7.6%.

##### **4.6.1 Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Wang dalam Kumpulanwang ini hanya boleh digunakan bagi maksud ianya ditubuhkan. Baki Kumpulanwang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM105.72 juta meningkat sejumlah RM26.93 juta berbanding pada akhir tahun 2006 berjumlah RM78.79 juta. Kumpulanwang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Kumpulanwang dan Akaun seperti berikut:

###### **a) Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulanwang Pembangunan diwujudkan mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 (Akta 70). Punca kewangan bagi Kumpulanwang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil, Terimaan Pemberian dan Pinjaman Dari Kerajaan Persekutuan dan juga Terimaan Bayaran Balik Pinjaman dari Agensi Kerajaan Negeri. Wang dalam Kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang

ditentukan dalam Akta tersebut. Pada akhir tahun 2007, Kumpulanwang Pembangunan telah mencatat lebihan sejumlah RM22.89 juta berbanding defisit sejumlah RM35.24 juta pada tahun 2006. Lebihan ini berpunca daripada penerimaan berjumlah RM152.28 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM129.38 juta. Dengan lebihan ini, baki terkumpul Kumpulanwang Pembangunan pada akhir tahun 2007 meningkat sejumlah RM22.89 juta atau 28.8% kepada RM102.33 juta berbanding RM79.44 juta pada tahun 2006. Lebihan ini juga disebabkan peningkatan hasil yang diterima iaitu daripada RM75.43 juta pada tahun 2006 menjadi RM152.28 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan penerimaan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM59.38 juta. Sementara itu, perbelanjaan 9 Pejabat yang terlibat meningkat sejumlah RM18.72 juta daripada RM110.67 juta pada tahun 2006 menjadi RM129.38 juta pada tahun 2007.

#### i) Perbelanjaan Pembangunan Sebenar Berbanding Peruntukan

Pada tahun 2007, sejumlah RM147.10 juta telah diperuntukkan bagi 9 Jabatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM129.38 juta atau 88% telah dibelanjakan. Analisis perbandingan terhadap perbelanjaan Pembangunan sebenar dengan peruntukan tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Perbelanjaan Sebenar Berbanding Peruntukan Tahun 2007**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	P08 - Jabatan Pengairan Dan Saliran	16.10	16.07	99.8
2.	P17 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2.78	2.74	98.6
3.	P09 - Jabatan Perhutanan	3.08	3.00	97.4
4.	P01 - Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	87.20	79.66	91.4
5.	P18 - Jabatan Pertanian	6.72	6.15	91.5
6.	P12 - Jabatan Kerja Raya	10.25	8.77	85.6
7.	P16 - Jabatan Kewangan Negeri	9.23	6.49	70.3
8.	P10 - Jabatan Taman Botani	1.73	1.17	67.6
9.	P13 - Jabatan Hal Ehwal Agama	10.00	5.33	53.3
<b>Jumlah</b>		<b>147.09</b>	<b>129.38</b>	<b>88.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Lima Jabatan yang telah mencapai peratusan prestasi perbelanjaan yang tinggi bagi tahun 2007 iaitu antara 91.4% hingga 99.8% daripada peruntukan yang diluluskan ialah Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Jabatan Kerja Raya membelanjakan 85.6% daripada

peruntukan yang diluluskan. Manakala 3 jabatan lagi iaitu Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Taman Botani dan Jabatan Hal Ehwal Agama hanya membelanjakan antara 53.3% hingga 70.3% dari peruntukan yang diluluskan.

### **ii) Analisis Peningkatan Dan Penurunan Perbelanjaan**

Analisis Audit terhadap perbelanjaan tahun 2007 dibandingkan tahun 2006 mendapati 10 butiran perbelanjaan telah menunjukkan peningkatan dan penurunan yang ketara seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Peningkatan/(Penurunan) Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara Pada Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Peningkatan/ (Penurunan)		Punca Peningkatan/(Penurunan)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)	
1.	Bangunan-bangunan dan Rumah-rumah Untuk Pegawai Luar	0.38	2.54	2.17	571.1	Kerja-kerja awal Projek Pembinaan Kompleks Pejabat Dan Stor JPS, Seberang Prai Tengah telah dimulakan pada tahun 2007 menyebabkan perbelanjaan meningkat.
2.	Projek Khas Ekonomi	1.02	3.17	2.15	210.8	Pelaksanaan projek membina jalan baru menyambung Jalan Todak ke Chain Ferry.
3.	Projek Bekalan Air	0	40.28	40.28	100.0	Pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang Seberang Perai Tengah dan Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW).
4.	Memperbaiki Jambatan Jambatan Dan Jalan-jalan Kerajaan Negeri	1.98	3.65	1.67	84.3	Peningkatan dalam bilangan projek menaik taraf jalan dan jambatan.
5.	Mahkamah Syariah	4.31	7.92	3.61	83.8	Penyambungan projek pembinaan mahkamah di Seberang Perai Utara dan projek baru pembinaan mahkamah di Daerah Barat Daya dan Seberang Perai Tengah.
6.	Pembangunan Pelancongan	2.15	0.78	(1.37)	(63.7)	Kerja pemuliharaan Rumah Suffolk telah selesai pada tahun 2006
7.	Rancangan Perumahan Murah	12.08	6.00	(6.08)	(50.3)	Kurangnya peruntukan pada tahun 2007 berbanding tahun 2006.
8.	Pembangunan sumber Bio-Pelancongan Hutan	3.99	1.88	(2.11)	(52.9)	Perbelanjaan pada tahun 2007 hanyalah untuk penyenggaraan dan sambungan projek yang sedia ada.
9.	Membina, membaiki dan ubahsuai Masjid dan Surau	6.99	4.10	(2.89)	(41.3)	Peruntukan hanya digunakan untuk kerja-kerja ukur tanah dan penyiasatan tapak.
10.	Pengambilan Tanah	23.43	14.23	(9.20)	(39.3)	Kurangnya peruntukan pada tahun 2007 berbanding tahun 2006.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Perbelanjaan Pembangunan Negeri dibiayai oleh Pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM59.38 juta, Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM60 juta, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi berjumlah RM12.78 juta, Terimaan Pajakan Tapak Ampangan berjumlah RM7.63 juta dan Terimaan Balik Pinjaman Daripada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. berjumlah RM6.55 juta.

**b) Akaun Kena Bayar**

Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada akhir tahun yang perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada tahun 2007, sebanyak 54 baucar berjumlah RM26,732 dikenakan kepada Akaun Kena Bayar. Semakan Audit terhadap 54 baucar tersebut adalah perbelanjaan mengenai bayaran tuntutan perjalanan dan bayaran elaun lebih masa bagi tempoh bulan Disember 2007.

**c) Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri**

Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri diwujudkan bertujuan untuk membiayai penyenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri menerima sejumlah RM44.69 juta pemberian penyenggaraan jalan raya berbanding sejumlah RM30.41 juta pada tahun 2006 daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Kumpulanwang ini pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM16.11 juta iaitu meningkat sejumlah RM12.30 juta atau 322.8% berbanding RM3.81 juta pada akhir tahun 2006. Peningkatan ini adalah kerana pada tahun 2007 penerimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM44.69 juta melebihi perbelanjaan kerja-kerja penyenggaraan jalan raya yang hanya berjumlah RM32.39 juta. Baki Kumpulanwang ini dan jumlah terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri**  
**Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Baki awal tahun	5.89	8.63	35.67	5.07	3.81
2.	Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan	29.41	49.63	29.39	30.41	44.69
3.	Perbelanjaan	26.67	22.59	59.99	31.67	32.39
<b>Baki Akhir Tahun</b>		<b>8.63</b>	<b>35.67</b>	<b>5.07</b>	<b>3.81</b>	<b>16.11</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**d) Kumpulan Wang Amanah Bantuan TYT Yang di-Pertua Negeri**

Kumpulan wang ini diwujudkan bertujuan untuk membantu dan memberi saguhati kepada mangsa-mangsa kejadian bencana alam. Baki Kumpulan wang ini pada akhir tahun 2007 telah menjadi RM5.57 juta meningkat sejumlah RM2.66 juta atau 91.4% berbanding RM2.91 juta pada akhir tahun 2006. Peningkatan baki Kumpulan wang ini adalah kerana simpanan tetap berjumlah RM4 juta yang tidak diambilkira pada tahun 2006 dilaraskan pada tahun 2007.

**e) Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Negeri**

Kumpulan wang ini diwujudkan bertujuan untuk memberi bantuan kebajikan atau membiayai projek atau kegiatan kemasyarakatan. Pada akhir tahun 2007, baki Kumpulanwang ini telah meningkat sejumlah RM0.44 juta atau 77.2% menjadi RM1.01 juta berbanding RM0.57 juta pada akhir tahun 2006. Peningkatan baki Kumpulanwang ini adalah kerana terimaan sejumlah RM0.50 juta yang tidak diambilkira pada tahun 2006 hanya dipelaraskan pada tahun 2007.

**f) Kumpulan Wang Pelaburan Negeri**

Kumpulan wang Pelaburan Negeri diwujudkan bagi membolehkan pelaburan dibuat daripada wang yang diuntukkan kepadanya. Kumpulan wang ini ditadbirkan oleh Lembaga Kumpulan wang Amanah Pelaburan Negeri Pulau Pinang. Baki Kumpulan wang ini pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM26.21 juta berbanding RM17.21 juta pada akhir tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM9 juta atau 52.3%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penjualan balik dana unit amanah dengan kos perolehan RM5 juta. Ekoran daripada penjualan dana tersebut Kerajaan Negeri memperolehi keuntungan dalam bentuk faedah berjumlah RM1.03 juta.

#### **4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM59.64 juta berbanding RM55.24 juta pada akhir tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM4.40 juta atau 8%. Peningkatan ini adalah disebabkan penubuhan tiga Akaun Amanah Awam iaitu Akaun Amanah Pelbagai JKR, Akaun Amanah Kebun Bunga dan Akaun Amanah Pelbagai SUK yang berbaki RM6.44 juta pada 31 Disember 2007.

**a) Akaun Amanah Awam Tidak Aktif**

Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh 2003 hingga 2007 terdapat 6 Kumpulan Wang Biasiswa di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam yang tidak aktif. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 17**.

### Jadual 17

#### Kumpulan Wang Amanah Awam Yang Tidak Aktif Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Kumpulan Wang Amanah Awam (Kumpulan Wang Biasiswa)	Tahun				
		2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM )	2006 (RM )	2007 (RM)
1.	Soon Ah Lee	20,477	21,170	21,752	22,487	23,216
2.	Heah Seng Whatt	13,320	13,820	14,169	14,635	15,108
3.	Sara Sekolah Tinggi Bukit Mertajam	13,282	13,754	14,109	14,588	15,058
4.	Pingat Soon Eng Kong	4,255	4,256	4,250	4,250	4,251
5.	Khoo Heng Pan	22,667	22,913	23,061	23,645	24,276
6.	Soon Cheng Sun	12,806	13,175	13,631	13,990	14,454
<b>Jumlah</b>		<b>86,807</b>	<b>89,088</b>	<b>90,972</b>	<b>93,595</b>	<b>96,363</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

Enam Akaun Amanah tersebut adalah berjumlah RM96,362 telah ditubuhkan antara tahun 1936 hingga 1950. Tujuan penubuhan Akaun Amanah ini adalah bagi membantu pembiayaan pengajian murid-murid miskin di sekolah yang dinyatakan. Modal bagi penubuhan enam akaun ini merupakan hasil sumbangan daripada orang perseorangan. Pemeriksaan Audit mendapati hanya faedah daripada simpanan tetap dikreditkan ke akaun ini. Adalah disyorkan tindakan yang sewajarnya diambil sama ada mengaktifkan semula akaun berkenaan atau jika tidak diperlukan, disyorkan ianya ditutup mengikut prosidur yang ditetapkan.

**b) Akaun Amanah Penyelenggaraan Rumah-rumah Pangsa**

Akaun Amanah ini diwujudkan pada awal bulan Mac 1973 dan bertujuan untuk membayar kos penyenggaraan rumah-rumah pangsa, gaji kakitangan bagi menyenggara rumah-rumah pangsa dan pelbagai bayaran lain. Terimaan yang dikreditkan ke akaun ini ialah bayaran penyenggaraan yang diterima dari penghuni rumah pangsa, peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan faedah bank. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Analisis perbandingan kedudukan baki Akaun Amanah ini bagi tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan pengurangan sejumlah RM0.12 juta atau 4.3% menjadi RM2.66 juta berbanding RM2.78 juta pada tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan pada tahun 2007 terimaan hasil hanya berjumlah RM5.26 juta berbanding dengan perbelanjaan yang berjumlah RM5.38 juta.

**c) Akaun Amanah Pelaksanaan Projek-projek Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) MPSP Dan Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) MPPP**

Akaun Amanah ini diwujudkan bertujuan menerima sumbangan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk membayai perbelanjaan Projek-projek KADUN MPSP dan MPPP yang dilaksanakan oleh Pejabat-pejabat Daerah dan agensi berkaitan. Akaun Amanah ini ditubuhkan pada awal bulan Julai 2005. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini

ialah Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pembangunan). Analisis perbandingan kedudukan baki Akaun Amanah ini bagi tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan pengurangan berjumlah RM3.88 juta atau 61.6% menjadi RM2.42 juta berbanding RM6.30 juta pada tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan pada tahun 2007 terimaan hasil hanya berjumlah RM49.02 juta berbanding dengan perbelanjaan yang berjumlah RM52.90 juta.

**d) Akaun Amanah Pelbagai JKR**

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada awal bulan Oktober 2006 untuk tujuan menerima pendahuluan pembayaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat utiliti, agensi-agensi lembaga dan syarikat swasta bagi tujuan membiayai perbelanjaan pelbagai penyenggaraan serta pemberian jalan dan bangunan, perbelanjaan pemberian ke atas kerosakan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat utiliti dan syarikat swasta dan perbelanjaan lain yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Pengarah Kerja Raya Negeri Pulau Pinang. Walaupun Akaun Amanah ini telah ditubuhkan pada tahun 2006, ianya hanya menerima wang pendahuluan pada tahun 2007. Pada akhir tahun 2007, baki Akaun Amanah ini adalah sejumlah RM0.73 juta. Semakan Audit mendapati terimaan sebanyak RM1.53 juta pada tahun 2007 telah diagihkan kepada JKR Daerah Timur Laut, JKR Seberang Perai Utara, JKR Seberang Perai Tengah, JKR Seberang Perai Selatan dan JKR Bahagian Elektrik. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM0.80 juta atau 52.3% telah dibelanjakan.

**e) Cadangan Mengutip Caruman Saliran MPPP/MPSP**

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada awal bulan Mei 2005 bagi tujuan menerima sumbangan caruman pemaritan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang(MPPP) untuk digunakan bagi membiayai perbelanjaan menaik taraf sistem saliran di Negeri Pulau Pinang. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang. Analisis perbandingan kedudukan baki Akaun Amanah ini bagi tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan peningkatan berjumlah RM2.39 juta atau 5.7% menjadi RM43.98 juta berbanding RM41.59 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan pada tahun 2007 terimaan sumbangan berjumlah RM7.07 juta berbanding dengan perbelanjaan yang berjumlah RM4.68 juta.

**f) Akaun Amanah Pelbagai SUK**

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada awal bulan Mac 2007 bagi tujuan mengakaunkan peruntukan yang disalurkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang(SUK) oleh mana-mana kementerian, jabatan atau badan Persekutuan dan pihak lain untuk menjalankan program dan aktiviti yang dikendalikan oleh Pejabat SUK seperti Program Latihan Khidmat Negara, Program Sambutan Hari Kemerdekaan, Peperiksaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Program Latihan Sumber

Manusia oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang dan program-program lain yang diperuntukkan dari semasa ke semasa. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Pulau Pinang. Pada tahun 2007, sejumlah RM8.95 juta telah diterima oleh Akaun Amanah ini. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM3.29 juta atau 36.7% telah dibelanjakan. Pada akhir tahun 2007, baki Akaun Amanah ini adalah berjumlah RM5.66 juta.

#### 4.6.3 Akaun Wang Deposit

Deposit merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Pada akhir tahun 2007, baki Akaun Deposit menurun sejumlah RM20.87 juta atau 9.2% menjadi RM206.17 juta berbanding RM227.04 juta pada tahun 2006. Analisis Audit mendapati penurunan baki Akaun Deposit ini terutamanya adalah disebabkan pemindahan wang daripada Akaun Deposit Jabatan Kewangan Negeri berkenaan bayaran balik pinjaman Projek Bekalan Air dengan Kerajaan Persekutuan kepada Akaun Hasil Disatukan yang berjumlah RM24.60 juta. Jumlah ini merupakan amaun yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2006 bagi bayaran balik pinjaman Projek Bekalan Air. Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menangguhkan bayaran balik berkenaan sehingga proses pengambilalihan urusan air oleh Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad selesai. Ekoran daripada itu, pada tahun 2006 amaun tersebut telah diakaunkan secara sementara dalam Akaun Deposit Pejabat Kewangan Negeri. Kedudukan baki Akaun Deposit bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Carta 5**.

**Carta 5**  
**Kedudukan Baki Akaun Deposit Baiki Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Analisis Audit mendapati baki Akaun Deposit bagi tempoh 2003 hingga 2007 mengalami kenaikan dan penurunan. Pada tahun 2004 dan 2006 kedudukan baki Akaun Deposit telah meningkat sejumlah RM4.48 juta atau 2% dan RM28.68 juta atau 14.5% masing-masing berbanding dengan baki pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, pada tahun 2005 dan

2007, baki Akaun Deposit menurun sejumlah RM34.16 juta atau 14.7% dan RM20.87 juta atau 9.2% masing-masing berbanding dengan baki pada tahun sebelumnya.

#### **4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai ditunjukkan dalam Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai. Penerimaan wang tunai terdiri daripada penerimaan hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain. Bayaran wang tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman. Pada 31 Disember 2007, baki wang tunai adalah berjumlah RM5.36 juta menurun RM0.63 juta atau 10.5% berbanding RM5.99 juta pada tahun 2006. Kedudukan penerimaan wang tunai bagi tahun 2007 berbanding 2006 adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Kedudukan Penerimaan Wang Tunai Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Jenis Penerimaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)	Peratus (%)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)		
1.	Hasil	280.50	295.86	15.36	5.5
2.	Pinjaman	0.00	59.38	59.38	100
3.	Terimaan Modal	46.95	32.89	(14.06)	(29.9)
4.	Lain-lain Terimaan	0.19	10.46	10.27	5,405.3
<b>Jumlah</b>		<b>327.64</b>	<b>398.59</b>	<b>70.95</b>	<b>21.7</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

Kedudukan pembayaran wang tunai pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Kedudukan Pembayaran Wang Tunai Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Jenis Pembayaran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)	Peratus (%)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)		
1.	Mengurus	229.63	192.25	(37.38)	(16.3)
2.	Pembangunan	110.67	129.39	18.72	16.9
3.	Perbelanjaan Modal	0	77.58	77.58	100.0
<b>Jumlah</b>		<b>340.30</b>	<b>399.22</b>	<b>58.92</b>	<b>17.3</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

Analisis Audit menunjukkan pada tahun 2007, jumlah Wang Tunai yang diterima oleh Kerajaan Negeri adalah kurang daripada jumlah pembayaran yang dibuat. Punca kurangan terimaan berbanding bayaran berkenaan bukanlah diakibatkan oleh pengurangan kutipan hasil atau pertambahan perbelanjaan mengurus dan pembangunan tetapi terutamanya disebabkan oleh langkah Kerajaan Negeri untuk melaburkan wang tunai yang berlebihan dalam simpanan tetap. Sejumlah RM77.58 juta telah dilaburkan oleh Kerajaan Negeri dalam simpanan tetap pada tahun 2007.

#### 4.8 AKAUN MEMORANDUM

Aset dan tanggungan kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan ditunjukkan di bawah Akaun Memorandum.

##### a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak-pihak berkenaan seperti Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM0.44 juta atau 0.4% menjadi RM115.91 juta pada tahun 2007 berbanding RM115.47 juta pada tahun 2006. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri menggunakan sumber kewangannya untuk memberi pinjaman berjumlah RM7 juta kepada Jelutong Development Sdn. Bhd. bagi membiayai kos tanah dan kos penempatan semula penduduk bagi Projek Lebuhraya Jelutong. Sementara itu, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. menjelaskan bayaran balik pinjaman Projek Bekalan Air berjumlah RM6.55 juta. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Jenis Pinjaman	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd. - Projek Bekalan Air	344.63	216.07	104.55	98.00	91.44
2.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang - Pembentungan Najis - Pembaharuan Bandar dan Pemulihan Premis Akta Kawalan Sewa	2.61	2.61	2.61	2.61	2.61
3.	Jelutong Development Sdn. Bhd. - Projek Lebuhraya Jelutong	0.86	0.86	0.86	0.86	0.86
<b>Jumlah</b>		<b>348.10</b>	<b>219.54</b>	<b>115.02</b>	<b>115.47</b>	<b>115.91</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh 2003 hingga 2005 menunjukkan penurunan dari setahun ke setahun. Ini menunjukkan bayaran balik ada dibuat oleh Agensi terbabit pada tiap-tiap tahun berkenaan kepada Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, akibat daripada tambahan pinjaman yang diberikan bagi membiayai Projek Lebuhraya Jelutong, baki pinjaman boleh dituntut bagi tahun 2006 dan 2007 telah meningkat antara 0.4% hingga 0.8% berbanding tahun 2005.

Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd. menjelaskan bayaran balik pinjamannya mengikut

jadual. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak menjelaskan pinjaman berkenaan kepada Kerajaan Persekutuan untuk tempoh 4 tahun berjumlah RM93.98 juta. Ini berikutan keputusan Kerajaan Negeri pada tahun 2004 untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman Projek Bekalan Air sehingga menunggu proses pengambilalihan pengurusan Perkhidmatan Air di semua negeri oleh Kerajaan Persekutuan melalui penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selesai.

**b) Pelaburan**

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam Badan Berkanun, saham dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan saham dalam syarikat berkaitan kerajaan serta syarikat-syarikat lain. Ini termasuk modal pelaburan melalui Pengurus Dana yang dilantik oleh kerajaan. Pada akhir tahun 2007, pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM227.18 juta berbanding RM231.47 juta pada tahun 2006 iaitu menurun sejumlah RM4.29 juta atau 1.8%. Penurunan ini adalah disebabkan penjualan balik pelaburan dalam Dana Unit Amanah pada kos perolehan RM5 juta pada tahun 2007. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan saham melalui pengurus portfolio berjumlah RM54.35 juta dan pelaburan ekuiti Kerajaan Negeri dalam PBA Holdings Bhd. berjumlah RM172.83 juta. Bagi pelaburan melalui pengurus portfolio, nilai pasaran pelaburan adalah berjumlah RM88.81 juta iaitu RM34.46 atau 63.4% lebih tinggi daripada nilai kos pelaburan yang berjumlah RM54.35 juta. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Jenis Pelaburan	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Pelaburan (Pengurus Portfolio)	40.28	40.48	39.78	53.64	54.35
2.	Pelaburan (Dana Unit Amanah)	0	0	0	5.00	0
3.	Pelaburan (Ekuiti)	0	172.83	172.83	172.83	172.83
<b>Jumlah</b>		<b>40.28</b>	<b>213.31</b>	<b>212.61</b>	<b>231.47</b>	<b>227.18</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2003 hingga 2006 menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun di mana wang tunai tidak disimpan secara berlebihan tetapi dilaburkan. Hanya pada tahun 2007, jumlah pelaburan berkurangan sedikit ekoran daripada penjualan pelaburan dalam Dana Unit Amanah.

**c) Hasil Belum Terima**

Berdasarkan Penyata Tunggakan Hasil yang dikemukakan oleh Pemungut Hasil, hasil belum terima Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM78.53 juta berbanding RM88.50 juta pada tahun 2006, iaitu menurun sejumlah RM9.97 juta atau 11.3%. Daripada RM78.53 juta tersebut, sejumlah RM19.21 juta merupakan bayaran balik

pinjaman penuntut yang belum diterima. Manakala RM59.32 juta adalah hasil belum terima yang terdiri daripada cukai tanah, ansuran/sewa rumah kos rendah dan hasil lain. Hasil belum terima tersebut menunjukkan penurunan sejumlah RM4.80 juta atau 7.5% jika dibandingkan dengan tahun 2006 berjumlah RM64.12 juta. Daripada jumlah hasil belum terima tersebut, sejumlah RM49.27 juta atau 83.6% adalah tunggakan hasil cukai tanah. Pejabat yang mempunyai tunggakan hasil yang tertinggi ialah Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM23.24 juta, Pejabat Tanah Daerah Timur Laut berjumlah RM11.23 juta, Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Utara berjumlah RM10.16 juta, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Perumahan) berjumlah RM9.65 juta, Pejabat Tanah Daerah Barat Daya berjumlah RM2.69 juta dan Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan berjumlah RM1.95 juta. Kedudukan hasil belum terima bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Hasil Belum Terima Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun					Peningkatan/ (Penurunan) 2006/2007 (RM Juta)
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
1.	Cukai Tanah	38.23	45.30	49.86	54.38	49.27	(5.11)
2.	Ansuran/Sewa Rumah Kos Rendah	7.79	8.15	9.04	9.41	9.65	0.24
3.	Hasil Lain	0.80	0.96	0.51	0.33	0.40	0.07
<b>Jumlah</b>		<b>46.82</b>	<b>54.41</b>	<b>59.41</b>	<b>64.12</b>	<b>59.32</b>	<b>(4.80)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Walaupun pada tahun 2007, hasil belum terima telah berjaya dikurangkan sejumlah RM4.80 juta, namun bakinya masih tinggi. Bagi menangani masalah tunggakan cukai tanah dan ansuran/sewa rumah awam kos rendah yang masih tinggi, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah seperti berikut:

#### i) Tunggakan Cukai Tanah

- Menubuhkan Pasukan Gerak Khas Kutipan bergerak dari pintu ke pintu bagi memaklumkan kepada pemilik tanah yang tidak menjelaskan bayaran cukai tanah secara pentadbiran sebelum mengeluarkan notis untuk menjelaskan cukai tanah;
- Memaklumkan kepada semua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Pertubuhan Sukarela, Persatuan Penduduk akan keperluan untuk membayar cukai tanah;
- Mengadakan mesyuarat khas bersama pemilik yang tidak menjelaskan tunggakan dan memaklumkan keperluan untuk menguatkuasakan Seksyen 100 Kanun Tanah Negara berkenaan dengan rampasan tanah;

- Mengeluarkan notis kepada pemilik tanah dan orang yang berkepentingan supaya menjelaskan cukai tanah dan tunggakan;
- Sistem e-Tanah telah mula beroperasi dan akan mempermudahkan urusan kutipan hasil cukai tanah;
- Kelonggaran kepada pemilik tanah untuk membayar hasil tertunggak secara ansuran;
- Kemudahan sistem bayaran hasil tanah melalui kad kredit; dan
- Meningkatkan status dan prestasi perkakasan komputer yang dapat memudahkan dan mempercepatkan pembayaran cukai membuat bayaran secara *on-line* di semua daerah.

**ii) Tunggakan Ansuran/Sewa Rumah Awam Kos Rendah**

- Sepanjang tahun 2007, sebanyak 403 notis tuntutan telah dihantar kepada penghuni yang mempunyai baki tertunggak.
- Sebanyak 337 fail bagi unit rumah yang mempunyai tunggakan dikemukakan ke Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri untuk diambil tindakan undang-undang.
- Skuad Khas Ibu Pejabat telah membuat lawatan ke projek-projek perumahan.
- Mengeluarkan surat arahan kepada jabatan di mana penghuni bekerja agar potongan gaji dibuat dengan serta merta.

**d) Pajakan Projek Bekalan Air**

Sebelum Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (PBA) diperbadankan sebagai Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (Perbadanan) mulai tahun 1999, semua perbelanjaan untuk Projek Bekalan Air dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Negeri yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Perjanjian pinjaman ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Seterusnya Kerajaan Negeri menandatangani perjanjian dengan PBA. Selepas PBA diperbadankan, tiada lagi pinjaman yang dikeluarkan kepada Perbadanan kerana ianya merupakan sebuah syarikat dan bukannya Jabatan/Agensi Kerajaan. Semua perbelanjaan untuk Projek Bekalan Air seterusnya merupakan perbelanjaan pembangunan negeri. Oleh kerana Projek Bekalan Air dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan dan projek itu diserahkan untuk dikendalikan oleh Perbadanan, Kerajaan memutuskan Perbadanan dikehendaki membayar dalam bentuk pajakan bagi kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi membiayai projek berkenaan untuk membolehkan Kerajaan Negeri membuat bayaran balik pinjaman itu kepada Kerajaan Persekutuan. Dengan ini, dokumen perjanjian yang dimeterai di antara Kerajaan Negeri dengan Perbadanan adalah berbentuk perjanjian pajakan dan bukan perjanjian pinjaman. Sehingga tahun 2007, sebanyak 2 perjanjian pajakan ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan Perbadanan seperti berikut:

**i) Perjanjian pajakan bagi tanah termasuk bangunan, struktur dan paip di bawah atau**

di permukaan tanah di 14 tapak Projek Bekalan Air bagi tempoh 5 tahun iaitu mulai dari tahun 2005 hingga 2009 pada kadar RM1.53 juta setahun; dan

- ii) Perjanjian pajakan bagi tanah termasuk bangunan, struktur dan paip di bawah atau di permukaan tanah di Ampangan Telok Bahang bagi tempoh 21 tahun iaitu mulai dari tahun 2000 hingga 2020 pada kadar RM6.10 juta setahun.

**e) Hutang Kerajaan Negeri**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada akhir tahun 2007, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM496.51 juta berbanding sejumlah RM442 juta pada tahun 2006, iaitu meningkat sejumlah RM54.51 juta atau 12.3%. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan pinjaman baru berjumlah RM59.38 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri juga tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman mengikut jadual iaitu bagi pinjaman Projek Bekalan Air berjumlah RM93.98 juta (pokok dan faedah) untuk tempoh tahun 2004 hingga 2007. Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman Projek Bekalan Air kerana menunggu penyelesaian isu pengambilalihan pengurusan perkhidmatan air di semua negeri oleh Kerajaan Persekutuan melalui penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Jenis Hutang	Tahun					Peningkatan/ (Penurunan) 2006/2007 (RM Juta)
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
1.	Rancangan Perumahan Awam	37.07	44.53	46.97	42.64	38.13	(4.51)
2.	Membayar Projek Bekalan Air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	331.34	339.34	397.67	397.67	457.05	59.38
3.	Membayar Projek Majlis Perbandaran	1.56	1.33	1.33	1.33	1.33	-
4.	Program Pembaharuan Bandar Dan Pemulihan Premis Akta Kawalan Sewa	22.82	-	-	-	-	-
5.	Program Menangani Masalah Y2K Kerajaan	1.45	1.08	0.73	0.36	-	(0.36)
<b>Jumlah</b>		<b>394.24</b>	<b>386.28</b>	<b>446.70</b>	<b>442.00</b>	<b>496.51</b>	<b>54.51</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Trend baki hutang bagi tempoh 2003 hingga 2007 menunjukkan hutang Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan terus meningkat kecuali bagi tahun 2006 berkurangan disebabkan tidak ada pinjaman baru diterima pada tahun tersebut.

## **5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada akhir tahun 2007 adalah kukuh berbanding tahun 2006. Lebihan bagi tahun 2007 meningkat sebanyak RM32.74 juta atau 301.2% menjadi RM43.61 juta berbanding hanya RM10.87 juta pada tahun 2006 menjadikan lebihan terkumpul berjumlah RM373.59 juta. Dengan kedudukan kewangan yang lebih kukuh, Kerajaan Negeri berupaya untuk memberikan perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat dengan lebih berkesan. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu meneruskan usahanya untuk mengutip tunggakan hasil berjumlah RM78.53 juta pada tahun 2007 yang terdiri daripada pinjaman penuntut, cukai tanah, ansuran atau sewa rumah kos rendah dan hasil lain.

### BAHAGIAN III

### RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

## 6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

**6.1** Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Negeri Pulau Pinang untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Pulau Pinang. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Pulau Pinang mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

**6.2** Bagi menjayakan RMK-9, jumlah siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM887.73 juta. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 9 jabatan. Pada tahun 2007, jumlah peruntukan yang diluluskan adalah RM147.10 juta. Dua daripada 9 jabatan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM87.20 juta atau 59.3% dan Jabatan Pengairan Dan Saliran berjumlah RM16.10 juta atau 11%.

**6.2.1** Pada tahun 2007, sebanyak 2,362 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 9 Jabatan/Agensi. Semakan Audit menunjukkan terdapat 4 Jabatan yang mempunyai bilangan projek yang melebihi 100 projek yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM115.61 juta iaitu Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kewangan Negeri dan Jabatan Perhutanan. Pada keseluruhannya sebanyak 2,193 projek atau 92.8% daripada 2,362 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Sejumlah RM240.06 juta atau 27% daripada RM887.73 juta telah dibelanjakan oleh 9 Jabatan setakat 31 Disember 2007. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK-9**

Bil.	Status Projek	Bilangan	Peratusan (%)
1.	Projek Telah Siap	2,193	92.8
2.	Projek Sedang Dilaksanakan	130	5.5
3.	Projek Belum Mula	39	1.7
<b>Jumlah</b>		<b>2,362</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**6.2.2** Secara keseluruhannya pada tahun 2007, kebanyakan jabatan mencapai prestasi perbelanjaan 80% dan lebih. 4 Jabatan yang mencapai peratus prestasi perbelanjaan antara 91.4% hingga 99.8% daripada peruntukan yang diluluskan ialah Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Jabatan Kerja Raya pula membelanjakan 85.6% daripada peruntukan yang diluluskan. Manakala 3 jabatan lagi iaitu Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Taman Botani dan Jabatan Hal Ehwal Agama hanya membelanjakan antara 53.3% hingga 70.3% daripada peruntukan yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMK-9 adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-9**  
**Sehingga 31 Disember 2007**

Bil.	Jabatan	Peruntukan Yang Diluluskan RMK-9 Tahun 2007 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2007 (RM Juta)	Peratus Pencapaian (%)
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	16.10	16.07	99.8
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2.78	2.74	98.6
3.	Jabatan Perhutanan	3.08	3.00	97.4
4.	Jabatan Pertanian	6.72	6.15	91.5
5.	Pejabat Ketua Menteri Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	87.20	79.66	91.4
6.	Jabatan Kerja Raya	10.25	8.77	85.6
7.	Jabatan Kewangan Negeri	9.23	6.49	70.3
8.	Jabatan Taman Botani	1.73	1.17	67.6
9.	Jabatan Hal Ehwal Agama	10.00	5.33	53.3
<b>Jumlah</b>		<b>147.10</b>	<b>129.38</b>	<b>88.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**6.2.3** Sejumlah 2,193 daripada keseluruhan 2,362 projek yang dirancang telah dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut sejumlah 2,193 projek telah siap sepenuhnya, 130 projek sedang dilaksanakan. Manakala 39 projek masih belum dimulakan lagi. Projek tersebut belum dimulakan kerana masih dalam peringkat kerja-kerja perancangan tanah, kerja ukur dan proses penyediaan tender. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK-9 Setakat 31 Disember 2007**

Bil.	Jabatan	Projek Siap	Projek Sedang Dilaksanakan	Projek Belum Mula	Jumlah
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	29	94	-	123
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	11	-	-	11
3.	Jabatan Perhutanan	137	-	-	137
4.	Pejabat Ketua Menteri Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	129	10	25	164
5.	Jabatan Pertanian	-	17		17
6.	Jabatan Kerja Raya	51	2		53
7.	Jabatan Kewangan Negeri	1,750	-	-	1,750
8.	Jabatan Taman Botani	6	1	-	7
9.	Jabatan Hal Ehwal Agama	80	6	14	100
<b>Jumlah</b>		<b>2,193</b>	<b>130</b>	<b>39</b>	<b>2,362</b>

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

### **6.3 RUMUSAN**

Pencapaian prestasi perbelanjaan RMK-9 belum dapat dinilai secara keseluruhan kerana tahun 2007 adalah tahun kedua Rancangan Malaysia Ke-9 dilaksanakan. Pada tahun 2007, sejumlah RM129.38 juta atau 88% daripada RM147.10 juta yang telah diperuntukkan bagi 9 Jabatan, telah dibelanjakan.

**BAHAGIAN IV**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN/AGENSI NEGERI**

## **7. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI**

**7.1** Seksyen 15(A) Akta Prosedur Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**7.2** Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

**7.3** Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

**7.4** Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti**. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan Sangat Baik boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

**7.5** Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan

stor. Bagi Agensi Negeri, kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

## 8. OBJKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## 9. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

**9.1** Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Taman Botani, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Bagi tahun 2007, hanya 7 Jabatan/Agensi Negeri telah diaudit disebabkan oleh kekangan kakitangan.

**9.2** Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan

pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

**9.3** Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2006/2007 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

## **10. PENEMUAN AUDIT**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 5 Jabatan Negeri, Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 jenis kawalan utama serta 3 jenis kawalan tambahan bagi Agensi Negeri seperti berikut:

### **10.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesaan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **a) Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii) Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Prosedur Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii) Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv) Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

**b) Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perpendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

**c) Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urusetia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

**i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perpendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**ii) Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perpendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan

memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

**iii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan**

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengaruhi mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**iv) Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

## **10.2 KAWALAN BAJET**

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

**a) Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agenzi Negeri dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 1 Tahun 2007 mengenai Pengurusan Bajet 2007. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

**b) Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

**c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet**

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai; impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

**e) Pelaporan**

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

### **10.3 KAWALAN TERIMAAN**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

**a) Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

**b) Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam oleh Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

**c) Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

**d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

**e) Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

#### **10.4 KAWALAN PERBELANJAAN**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

**a) Perakaunan**

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

**b) Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

**c) Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

#### **10.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mematuhi pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan Kumpulan Wang seperti berikut:

**a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

**b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- i) Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii) Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii) Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- iv) Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

**c) Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163.

## **10.6 PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR**

Aset dan inventori yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

**a) Kawalan Umum**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

**b) Penerimaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperolehi. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disedia, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

**c) Pendaftaran**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

**d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.

- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
  - v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
  - vi) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**e) Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pemberian perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

**f) Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disedia dan dikemukakan kepada pihak yang

meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

#### **g) Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

### **10.7 PENGURUSAN PELABURAN**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

### **10.8 PENGURUSAN PINJAMAN**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

### **10.9 PENYATA KEWANGAN**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki Agenzi Negeri mengumukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April


setiap tahun. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentang di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

## 11. TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut, Jabatan Taman Botani, Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Jabatan Pengairan Dan Saliran adalah pada tahap baik. Manakala, bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah pada tahap memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 6**.

**Carta 6**

**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2007**



## 12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 7 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah baik. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada

perkara-perkara berikut:

- a) Di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, didapati JPKA tidak berupaya untuk membincangkan isu-isu tersebut secara mendalam kerana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh jawatankuasa ini. Bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan satu Jawatankuasa Audit yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan tindakan-tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada JPKA.
- b) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan seperti Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.
- c) Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal patut mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di PTJ berkenaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi negeri yang berkenaan.
- d) Pegawai Pengawal perlu memastikan Unit Audit Dalam (UAD) berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- e) Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f) Mengemaskini Surat Penuruan Kuasa, Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.
- g) Pemeriksaan Mengejut dilakukan secara berkala seperti yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan 309.
- h) Aset hendaklah diuruskan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

## **BAHAGIAN V** **PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI**

### **13. PENDAHULUAN**

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat yang boleh diaudit ialah Syarikat yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan di mana lebih daripada separuh modal saham berbayarnya dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Ini juga selaras dengan Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda Bilangan 48 No. 3 bertarikh 29 Januari 2004, di bawah perintah P.U. (A) 43 Perlembagaan Persekutuan yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit Syarikat Subsidiari.

**PDC NUSABINA SDN. BHD.**

### **14. LATAR BELAKANG**

Nusabina Pulau Pinang Sdn. Bhd. didaftarkan pada 24 September 1980 dan telah menukarkan namanya kepada PDC Nusabina Sdn. Bhd. (Syarikat) pada 12 Ogos 2004. Pada tahun 2007, jumlah modal Syarikat yang dibenarkan adalah berjumlah RM5 juta manakala modal berbayar pula berjumlah RM3,050,004. Daripada keseluruhan modal berbayar tersebut, sebanyak 95% atau RM2,900,003 dipegang oleh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd., manakala 5% atau RM150,001 lagi dipegang oleh Syarikat Nusantara Pulau Pinang Bhd.. PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. adalah sebuah anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (Perbadanan). Syarikat telah mendapat kelulusan pendaftaran kontraktor daripada kelas B kepada kelas A daripada Pusat Khidmat Kontraktor pada 19 Mei 2004. Ini membolehkan Syarikat mendapatkan kontrak melebihi RM10 juta. Syarikat juga telah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pada Gred G7 semenjak tahun 2004. Visi Syarikat adalah untuk menjadi sebuah syarikat pembinaan yang terulung di negara ini. Misinya pula adalah untuk menyediakan pengurusan pembinaan dan perkhidmatan yang efisien melalui teknik pembinaan yang kos efektif dan menyediakan produk berkualiti tinggi dengan mengamalkan etika pembinaan yang selamat.

### **15. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan syarikat telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta selaras dengan objektif penubuhannya.

## **16. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek pengurusan organisasi, pengurusan aktiviti, peranan jawatankuasa yang ditubuhkan, sistem dan prosedur yang diguna pakai, kedudukan kewangan dan pengurusan kewangan syarikat. Semakan Audit dilakukan dengan meneliti memorandum penubuhan, profil Syarikat, peraturan kewangan, minit mesyuarat dan rekod berkaitan dengan pengurusan Syarikat bagi tahun 2005 hingga tahun 2007. Analisis terhadap data-data kewangan serta perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai terlibat. Selain itu, lawatan turut dilakukan ke tapak projek yang dipilih.

## **17. PENEMUAN AUDIT**

### **17.1 TADBIR URUS KORPORAT**

Selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965 dan Memorandum Dan Tataurusan Syarikat (*Memorandum And Articles Of Association*), Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Syarikat telah dilantik bagi menjalankan tugas tadbir urus korporat seperti berikut:

#### **17.1.1 Lembaga Pengarah**

Peraturan dan panduan berkaitan pelantikan, kuasa, peranan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah ada dinyatakan dalam Akta Syarikat 1965 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2000 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Syarikat telah melantik Lembaga Pengarah yang merupakan badan eksekutif tertinggi dalam organisasi Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan di samping merangka dan melaksanakan dasar korporat serta memantau pengurusan Syarikat dari segi pentadbiran, kewangan, operasi dan pemasaran. Perkara 66 Memorandum dan Tataurusan Syarikat, menetapkan keanggotaan Lembaga Pengarah Syarikat pada sesuatu masa hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada 3 orang dan maksimum 9 orang. Pada tahun 2007, Syarikat dianggotai oleh 4 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada kalangan pegawai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Pemeriksaan Audit mendapati semua Ahli Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada mereka yang berkelayakan dan berpengalaman di bidang tertentu. Maklumat berkenaan dengan pelantikan dan tahap akademik Ahli Lembaga Pengarah Syarikat adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Maklumat Pelantikan Dan Tahap Akademik Ahli Lembaga Pengarah Syarikat**

Bil.	Nama	Jawatan Dalam PDC	Tahap Akademik	Tarikh Lantikan
1.	Dato' Rosli bin Jaafar	Pengurus Besar Perbadanan	Sarjana Muda Arkitek dan Ahli Persatuan Arkitek Malaysia	20.09.2004
2.	Idrus bin Mat	Pengurus Bahagian Teknikal Perbadanan	Sarjana Muda Arkitek	27.11.1997
3.	Jamil bin Ibrahim	Pengurus Kanan Bahagian Teknikal Perbadanan	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan	01.06.2006
4.	Norhaslina binti Abdul Rashid	Akauntan Perbadanan	Sarjana Muda Perakaunan	01.06.2006

Sumber: Rekod Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

#### **17.1.2 Ketua Pegawai Eksekutif**

Mengikut Terma-terma Perkhidmatan Dan Kewangan Syarikat, seseorang Ketua Pegawai Eksekutif boleh dilantik sama ada dari kalangan pegawai Perbadanan atau bukan. Bagi pelantikan secara pinjaman dari kalangan pegawai Perbadanan, tempoh maksimum kontrak adalah selama 2 tahun. Manakala bagi pelantikan pegawai bukan dari kalangan pegawai Perbadanan, tempoh maksimum adalah selama 3 tahun. Pelanjutan tempoh atau pinjaman kontrak akan dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Semakan Audit mendapati pegawai yang menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif sekarang ini telah dilantik dari kalangan pegawai Perbadanan dan tempoh pelantikannya telah dibuat selaras dengan terma yang ditetapkan. Beliau telah menjawat jawatan tersebut sebanyak 2 penggal iaitu mulai dari 1 September 2004 hingga kini.

#### **17.1.3 Setiausaha Syarikat**

Seksyen 139(1), 139A dan 139B Akta Syarikat 1965 dan perkara 102, Memorandum Dan Tataurusan Syarikat menetapkan setiap syarikat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang Setiausaha Syarikat. Beliau hendaklah merupakan ahli badan profesional yang berlesen dan perlu dinamakan dalam Memorandum dan Tataurusan Syarikat. Seperti yang dikehendaki oleh Akta dan Memorandum tersebut, Lembaga Pengarah telah melantik Cik Sawarn Kaur dari PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. sebagai Setiausaha Syarikat. Beliau merupakan ahli yang berdaftar dengan *Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administration* dan telah menyandang jawatan ini sejak tahun 2000. Antara tugas Setiausaha Syarikat adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan notis dan minit mesyuarat, resolusi pengarah dan pemegang saham;
- b) Mengemas kini buku minit mesyuarat, rekod dan dokumen yang wajib disimpan di bawah Akta Syarikat 1965;
- c) Berurus dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia mengenai hal ehwal kesetiausahaan syarikat dan hal-hal lain yang berkaitan;
- d) Membantu menguruskan penyediaan dan pendaftaran penyata yang berkaitan dengan saham yang dipegang oleh pemegang saham seperti yang direkodkan dalam rekod statutori Syarikat; dan

e) Memberi khidmat nasihat kepada Syarikat.

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat Syarikat adalah memuaskan dan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Syarikat adalah teratur kerana mengikut peraturan yang ditetapkan.

## 17.2 PERANCANGAN STRATEGIK

### 17.2.1 Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, menetapkan setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang Syarikat. Dokumen perancangan korporat yang komprehensif perlu disediakan oleh Syarikat bagi menetapkan strategi pelaksanaan aktivitinya bagi mencapai objektif penubuhannya dan rancangan tersebut perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Semakan Audit mendapati rancangan Korporat yang disediakan oleh Syarikat adalah seperti berikut:

#### a) Bajet Tahunan

Selain dari merancang dan menetapkan aktiviti projek yang akan dilaksanakan, bajet syarikat juga merupakan elemen penting dalam memastikan syarikat lebih berdaya maju dalam meneruskan aktiviti operasinya. Semakan Audit mendapati Syarikat telah menyediakan bajet tahunan yang lengkap kerana telah mengambil kira hasil dan perbelanjaan bagi sesuatu tahun. Ringkasan bajet tahunan yang diluluskan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Ringkasan Bajet Tahunan Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Butiran	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Hasil	2.90	13.05	23.08
Kos Pembangunan	2.61	11.74	20.54
<b>Keuntungan/(Kerugian Kasar)</b>	<b>0.29</b>	<b>1.31</b>	<b>2.54</b>
Lain-lain Pendapatan	0.01	0.03	0.05
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>0.30</b>	<b>1.34</b>	<b>2.59</b>
Perbelanjaan Operasi	0.18	1.31	0.81
<b>Keuntungan Sebelum Faedah, Cukai Dan Peruntukan Susut Nilai</b>	<b>0.12</b>	<b>0.03</b>	<b>1.78</b>
Faedah Dan Peruntukan Susut Nilai	-	0.40	0.35
<b>Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai</b>	<b>0.12</b>	<b>(0.37)</b>	<b>1.43</b>

Sumber: Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Mengikut prosedur yang ditetapkan, bajet tahunan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum tahun pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati bajet bagi tahun 2005 dan 2006 telah diluluskan masing-masing pada 17 Disember 2004 dan 19 Disember 2005. Bagaimanapun, bajet bagi tahun 2007 lewat diluluskan oleh Lembaga

Pengarah iaitu pada 27 Februari 2007.

**b) Perancangan Projek**

Bagi tempoh 2005 hingga 2007, Syarikat telah merancang pelaksanaan projek pembinaan seperti berikut:

- i) Membina 295 unit rumah teres setingkat di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan;
- ii) Membina Menara Telekomunikasi di Permatang Nibong, Seberang Perai Tengah;
- iii) Membina Menara Telekomunikasi di Lorong Perusahaan Utama 2, Seberang Perai Tengah;
- iv) Membina Menara Telekomunikasi di Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah;
- v) Melaksanakan Projek PDC Agrotech di Kuala Juru;
- vi) Membina Menara Telekomunikasi di Pantai Acheh, Balik Pulau, Pulau Pinang;
- vii) Mengubahsuai Kelab Bukit Jambul;
- viii) Melaksanakan Projek Perumahan Villa Tanjung Permai, Seberang Perai Selatan; dan
- ix) Melaksanakan Projek Pembinaan Bangunan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya.

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perancangan projek yang disediakan oleh Syarikat tidak komprehensif kerana hanya bagi tempoh setahun sahaja dan tidak ada perancangan projek jangka panjang iaitu yang melebihi tempoh setahun.

**Pada pendapat Audit, walaupun Syarikat telah menyediakan bajet tahunannya dengan baik tetapi secara keseluruhannya perancangan korporat yang disediakan tidak komprehensif kerana tidak ada perancangan jangka panjang dan bajet bagi tahun 2007 yang disediakan telah lewat diluluskan.**


### **17.3 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Struktur pengurusan yang kemas dan teratur memudahkan pengagihan tugas dibuat dengan sempurna. Pengurusan kakitangan yang cekap dapat menentukan kejayaan sesebuah syarikat kerana kakitangan merupakan aset utama dalam pencapaian matlamat. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan sumber manusia Syarikat mendapati perkara berikut:

#### **17.3.1 Struktur Organisasi**

Struktur organisasi Syarikat yang diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Perniagaan, Bahagian Keselamatan Dan Kesihatan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Bahagian Projek/Kualiti dan Bahagian Kontrak/Tender Dan Perolehan seperti di **Carta 7**.

**Carta 7**  
**Carta Organisasi Syarikat Tahun 2007**



Sumber: Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Pada tahun 2007, bilangan perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 18 jawatan. Jawatan yang diluluskan tersebut terdiri daripada 8 jawatan tetap, 8 jawatan kontrak, 1 jawatan pinjaman dan 1 jawatan bergaji hari. Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2007 semua perjawatan yang diluluskan tersebut telah diisi.

#### **17.3.2 Kelayakan Dan Pengalaman Kakitangan**

Mengikut Terma-terma Perkhidmatan Dan Kewangan, penempatan pegawai hendaklah dibuat berdasarkan kepada kelayakan akademik, kepakaran dan pengalaman. Analisis Audit mendapati tahap kelayakan akademik bagi kakitangan Syarikat adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Kelayakan Akademik Kakitangan Syarikat**

Bil.	Kelayakan Akademik	Bilangan Kakitangan
1.	Sarjana Muda	4
2.	Diploma	9
3.	Sijil	2
4.	Sijil Pelajaran Malaysia	1
5.	Sijil Rendah Pelajaran	2
<b>Jumlah</b>		<b>18</b>

Sumber : Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Pengurus Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pegawai Pentadbiran Syarikat tidak mempunyai kelayakan akademik seperti yang disyaratkan dalam terma-terma perkhidmatan tetapi dipertimbangkan berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki.

Analisis Audit mendapati tempoh pengalaman bekerja kakitangan Syarikat adalah seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Tempoh Pengalaman Bekerja Kakitangan Syarikat**

Bil.	Tempoh Pengalaman	Bilangan Kakitangan
1.	21 tahun ke atas	5
2.	11 hingga 20 tahun	2
3.	5 hingga 10 tahun	2
4.	1 hingga 4 tahun	4
5.	Kurang daripada 1 tahun	5
<b>Jumlah</b>		<b>18</b>

Sumber : Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

### 17.3.3 Latihan Kakitangan

Syarikat telah menyediakan satu perancangan latihan untuk kakitangan sepanjang tahun bagi tujuan memantapkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan Syarikat dalam melaksanakan tugas masing-masing. Bilangan latihan mengikut jenis yang dirancang bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Bilangan Latihan Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Bil.	Jenis Latihan	2005 (Bilangan)	2006 (Bilangan)	2007 (Bilangan)
1.	Latihan Dalaman	3	0	1
2.	Latihan Luaran	3	13	11
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>13</b>	<b>12</b>

Sumber : Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Mengikut Polisi Kualiti Syarikat, jumlah minimum masa latihan yang perlu dihadiri oleh setiap kakitangan adalah selama 4 jam setahun. Semakan Audit mendapati kesemua kakitangan telah menghadiri latihan sekurang-kurangnya 4 jam setahun seperti yang telah ditetapkan. Latihan yang telah dihadiri oleh kakitangan syarikat bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 33**.

**Jadual 33**  
**Latihan Telah Dihadiri Kakitangan Syarikat Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Bil.	Jenis Kursus	Tahun		
		2005	2006	2007
1.	Bengkel Kesedaran Dan Kefahaman ISO 9001:2000	/		
2.	Penajaan Kursus Kecemerlangan Dalam Komunikasi Dan Kepimpinan	/		
3.	Seminar On Tax - Ernst & Young	/		
4.	Tza Telecommunication Tower - Reach Intergrated	/		
5.	Taklimat Keselamatan Di Tapak Binaan	/		
6.	ISO 9001:2000 Internal Quality Audit	/		
7.	Kaedah / Prosedur Perolehan Syarikat	/		
8.	ISO 9001:2000 Awareness Briefing/Coordination Meeting		/	
9.	Key Performance Indicator		/	
10.	Telekom Malaysia Industrial Business Solutions Seminar		/	
11.	Seminar Kerja Perparitan Berkualiti		/	
12.	Kursus Kesedaran Dan Peningkatan Kualiti Berterusan ISO 9001:2000		/	
13.	Kursus Pengurusan Tapak Binaan, Kontrak, Perolehan Dan Keselamatan Di Tempat Kerja		/	
14.	Taklimat CIDB (Green Card)		/	
15.	Brosur Bengkel Kemahiran, Komunikasi Lisan Dan Tulisan		/	
16.	Seminar Model Terms Of Construction Contract For Subcontract Work		/	
17.	Basic English & Business Communication			/
18.	Review Of ISO Awareness, Contival Improvement Through PDCA Concept Safety At Work Place			/
19.	Certificate Programme For Safety & Health Officer			/
20.	Training On MS Project			/

Sumber : Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, struktur organisasi Syarikat adalah jelas, teratur serta menggambarkan fungsi bagi setiap bahagian dan perjawatan yang diluluskan telah diisi sepenuhnya. Kakitangan Syarikat juga mempunyai kelayakan, pengalaman dan latihan yang mencukupi untuk menjalankan tugas masing-masing.

## 17.4 PENGURUSAN OPERASI

### 17.4.1 Pengurusan Kewangan

Bagi menilai tahap kecekapan pengurusan kewangan Syarikat, pemeriksaan Audit telah dibuat terhadap perkara berikut:

#### a) Petunjuk Pencapaian Prestasi (*Key Performance Indicator*)

Petunjuk Pencapaian Prestasi (KPI) adalah bertujuan untuk membantu Syarikat mengukur kemajuan aktivitinya bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Mulai tahun

2006, Syarikat telah menyediakan Petunjuk Pencapaian Prestasi yang meliputi keseluruhan aktiviti Syarikat, pengurusan kontrak dan perolehan, pengurusan projek dan pelaksanaan, pengurusan perniagaan dan pembangunan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan kewangan. Antara 2 indikator utama Petunjuk Pencapaian Prestasi Syarikat adalah seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34**  
**Petunjuk Pencapaian Prestasi**

Bil.	Indikator	Tahun	
		2006	2007
1.	Petunjuk Pencapaian Prestasi Terhadap Aktiviti Syarikat.	Mencapai <i>turnover</i> sebanyak RM15 Juta dan keuntungan kasar sebanyak 5% atau RM0.80 juta.	Mencapai keuntungan kasar sebanyak RM1 juta.
		Membayar balik pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM1.25 juta.	Membayar balik pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM1.25 juta.
		Kualiti Pengeluaran - 5 hingga 10 kecakatan/unit semasa serahan.	Kualiti Pengeluaran - 5 hingga 10 kecakatan/unit semasa serahan.
		Perkhidmatan selepas jualan - Mengambil tindakan ke atas aduan dalam masa 48 jam setelah menerima aduan dan membaik pulih dalam masa 7 hari bagi kerosakan kecil dan 14 hari bagi kerosakan besar.	Perkhidmatan selepas jualan - Mengambil tindakan ke atas aduan dalam masa 48 jam setelah menerima aduan dan membaik pulih dalam masa 7 hari bagi kerosakan kecil dan 14 hari bagi kerosakan besar.
		Pemeriksaan di tapak bina setiap 1 bulan sekali.	Memastikan kemalangan besar sifar di tapak pembinaan/projek untuk semua projek.
		Kekerapan Mesyuarat : Kakitangan : 2 bulan sekali. Tapak Projek : Sebulan sekali bagi setiap projek. Dengan Sub Kontraktor: 2 minggu sekali.	Kekerapan Mesyuarat: Kakitangan : 2 bulan sekali. Tapak Projek : Sebulan sekali bagi setiap projek. Dengan Sub Kontraktor : 2 minggu sekali.
2.	Petunjuk Pencapaian Prestasi Terhadap Pengurusan Kewangan.	Mengemas kini akaun-akaun Pengurusan sebulan sekali.	Mengemas kini akaun-akaun pengurusan sebulan sekali.
		Mengkaji semula pengaliran wang tunai masuk dan keluar seperti di belanjawan sebulan sekali.	Mengkaji semula pengaliran wang tunai masuk dan keluar seperti di belanjawan sebulan sekali.
		Mengawal perbelanjaan kos operasi dengan +/- 5% daripada belanjawan yang telah diluluskan.	Mengawal perbelanjaan kos operasi dengan +/- 5% daripada belanjawan yang telah diluluskan.

Sumber : Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Semakan Audit mendapati petunjuk pencapaian prestasi bagi aktiviti Syarikat pada keseluruhannya telah tercapai seperti yang disasarkan. Bagaimanapun, Syarikat tidak menyediakan laporan pencapaian petunjuk prestasi berkenaan. Selain itu, Syarikat perlu menyemak semula petunjuk pencapaian prestasi supaya lebih bersesuaian dengan aktiviti Syarikat.

#### **b) Pengesahan Terhadap Ketepatan Penyata Kewangan**

Mengikut Seksyen 169 Akta Syarikat 1965, setiap syarikat hendaklah mengemukakan

Laporan Penyata Kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Juruaudit luar yang bertaualah sebelum dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan. Semakan Audit mendapati Penyata Kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 2004, 2005 dan 2006 telah dikemukakan kepada Firma Audit Aljeffridean. Maklumat ringkas adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35**  
**Pembentangan Penyata Tahunan Syarikat**

Tahun Kewangan	Tarikh			
	Selesai Diaudit	Dibentangkan Di Mesyuarat Lembaga Pengarah	Diluluskan Oleh Mesyuarat Agung	Dikemukakan Kepada SSM**
2004	17.05.2005	13.06.2005	28.06.2005	12.08.2005
2005	16.03.2006	20.04.2006	22.06.2006	20.07.2006
2006	07.04.2007	24.05.2007	21.06.2007	13.07.2007

Sumber: Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

SSM \*\*: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Mengikut Seksyen 165(4) Akta Syarikat 1965, Penyata Tahunan Syarikat yang ditandatangani oleh pengarah atau pengurus sesebuah syarikat hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam masa satu bulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan. Semakan Audit mendapati Penyata Tahunan Syarikat bagi tahun 2004 lewat dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia selama 15 hari manakala penyata bagi tahun 2005 dan 2006 adalah mengikut tempoh yang ditetapkan.

**c) Prestasi Pelaksanaan Projek**

Aktiviti utama Syarikat adalah menyediakan perkhidmatan pengurusan pembinaan bangunan dan kerja-kerja kejuruteraan awam. Semakan Audit mendapati prestasi projek-projek yang siap dilaksanakan oleh Syarikat pada tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 36**.

**Jadual 36**  
**Prestasi Projek-projek Yang Siap Dilaksanakan**

Bil.	Nama Projek	Tarikh Kerja Disiapkan		Jumlah Kontrak Termasuk Perubahan Kerja (RM)	Kos Projek (RM)	Keuntungan/ (Kerugian)		Kelewatan Siap Kerja (Hari)
		Tarikh Patut Siap	Tarikh Siap Sebenar			(RM)	Peratus (%)	
1.	Cadangan Kerja-Kerja Membaik Pulih Dan Pemuliharaan Penang Municipal Town Hall Di Jalan Padang Kota Lama	18.06.05	08.09.05	4,017,780	4,917,502	(899,722)	(22.4)	82
2.	Cadangan 295 Unit Rumah Teres Setingkat Di Batu Kawan	25.01.07	25.02.07	17,087,127	16,079,401	1,007,726	5.9	31
3.	Cadangan Pembinaan Menara Pemancar Telekomunikasi Dan Kabin Peralatan Ditapak B Kampung Pertama, Jalan Permatang Nibong, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah	22.02.06	14.03.06	194,214	172,293	21,921	11.3	20
4.	Cadangan Pembinaan Menara Pemancar Telekomunikasi 200 Kaki Dan Kabin Peralatan Di Lorong Perusahaan Utama 2, Di Seberang Perai Tengah	20.05.06	01.06.06	196,929	154,442	42,487	21.6	12
5.	Cadangan Pembinaan Menara Pemancar Telekomunikasi Setinggi 200 Kaki Dan Kabin Peralatan Di Kawasan Perindustrian Bukit Minyak Di Seberang Perai Tengah	06.07.06	11.08.06	215,379	155,087	60,292	28.0	36
6.	Cadangan Mendirikan Sebuah Pejabat Sementara Bagi PDC Agrotech Sdn. Bhd. Di Kuala Juru, Seberang Perai Tengah	08.05.07	08.05.07	107,087	95,851	11,236	10.5	-
7.	Cadangan Pembinaan Menara Pemancar Telekomunikasi Setinggi 200 Kaki Dan Kabin Peralatan Di Pantai Aceh,Balik Pulau	17.03.07	15.03.07	218,777	222,531	(3,754)	(1.7)	-
8.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kandang Kambing Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Mukim 12, Seberang Perai Tengah	15.07.07	15.08.07	210,033	63,208	146,825	69.9	31
<b>Jumlah</b>				<b>22,247,326</b>	<b>21,860,315</b>	<b>387,011</b>	<b>1.7</b>	

Sumber : Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Semakan Audit terhadap projek yang dilaksanakan pada tahun 2005 hingga 2007 mendapati perkara berikut :

**i) Projek Lewat Disiapkan**

Semakan Audit mendapati 6 daripada 8 projek yang dilaksanakan oleh Syarikat pada tahun 2005 hingga 2007 lewat disiapkan antara 12 hingga 82 hari.

Bagaimanapun, hanya 1 projek yang lewat disiapkan iaitu Cadangan Kerja-Kerja Membaiik Pulih Dan Pemuliharaan Penang Municipal Town Hall di Jalan Padang Kota Lama tidak diberikan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa.

Semakan lanjut mendapati kelewatan ini berlaku disebabkan perkara berikut:

- Agen dan penyelia tapak tidak menjalankan kerja pemantauan di tapak pembinaan dengan sewajarnya;
- Terdapat kerja yang telah siap dilaksanakan tetapi terpaksa dilakukan semula kerana Juru Perunding tidak berpuas hati terhadap hasil kerja yang kurang berkualiti;
- Terdapat perubahan kerja yang dilakukan berdasarkan arahan secara lisan oleh juru perunding semasa kerja-kerja pembinaan sedang dilaksanakan. Ini menyebabkan sebahagian kerja-kerja pembinaan terpaksa dilakukan semula untuk disesuaikan dengan pelan yang dikeluarkan kemudian; dan
- Keputusan oleh Juru Perunding mengenai pelan-pelan yang tidak teratur dan pelantikan subkontraktor mengambil masa yang lama.

**ii) Projek Mengalami Kerugian**

Semakan Audit mendapati 2 daripada 8 projek yang dilaksanakan oleh Syarikat pada tahun 2005 hingga 2007 mengalami kerugian sejumlah RM0.90 juta. Projek tersebut ialah Cadangan Kerja-Kerja Membaiik Pulih Dan Pemuliharaan Penang Municipal Town Hall Di Jalan Padang Kota Lama dan Cadangan Pembinaan Menara Pemancar Telekomunikasi setinggi 200 kaki dan Kabin Peralatan di Balik Pulau, Pulau Pinang. Manakala 6 projek lagi telah menghasilkan keuntungan kepada Syarikat berjumlah RM1.29 juta. Secara keseluruhannya, 8 projek tersebut menjana keuntungan Syarikat berjumlah RM0.39 juta atau 1.7% daripada jumlah harga kontrak yang bernilai RM22.25 juta.

**iii) Arahan Perubahan Kerja**

Arahan Perubahan Kerja adalah arahan perubahan ke atas reka bentuk bangunan, kualiti atau kuantiti kerja-kerja pembinaan yang dihuraikan di dalam dokumen kontrak yang diarahkan oleh pelanggan atau juru perundingnya. Arahan Perubahan Kerja ini akan melibatkan pengurangan atau penambahan kos pembinaan. Semakan Audit mendapati nilai Arahan Perubahan Kerja bagi 8 projek yang siap dilaksanakan dari tahun 2005 hingga 2007 adalah antara 1.3% hingga 54% daripada jumlah kontrak asal seperti di **Jadual 37**.

**Jadual 37**  
**Perubahan Kerja Projek-projek**

Bil.	Nama Projek	Kos Kontrak Asal (RM)	Perubahan Kerja Pertambahan/ (Pengurangan)		Jumlah Kos Kontrak (RM)
			(RM)	(%)	
1.	Cadangan Kerja-Kerja Membaik Pulih Dan Pemuliharaan Penang Municipal Town Hall Di Jalan Padang Kota Lama	4,157,063	(139,283)	(3.3)	4,017,780
2.	Cadangan 295 Unit Rumah Teres Setingkat Di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan	16,684,567	402,560	2.4	17,087,127
3.	Cadangan Mendirikan Sebuah Pejabat Sementara Bagi PDC Agrotech Sdn. Bhd Di Atas Sebahagian Lot 836, Mukim 12, Kuala Juru, Seberang Perai Tengah	69,526	37,561	54.0	107,087
4.	Cadangan Pembinaan Menara Pemancar Telekomunikasi Setinggi 200 Kaki Dan Kabin Peralatan Di Atas Zon Penampan Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, Mukim 13, Seberang Perai Tengah	256,652	(41,273)	(16.1)	215,379
5.	Cadangan Pembinaan Menara Pemancar Telekomunikasi Setinggi 200 Kaki Dan Kabin Peralatan Di Lot 6, Bukit Kecil, Balik Pulau, Mukim 'A', Daerah Barat Daya	325,325	(106,547)	(32.7)	218,778
6.	Cadangan Pembinaan Menara Pemancar Telekomunikasi Setinggi 200 Kaki Dan Kabin Peralatan Di Atas Sebahagian Lot PT 115, Lorong Perusahaan Utama 2, Mukim 11, Seberang Perai Tengah	225,555	(28,626)	12.7	196,929
7.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kandang Kambing Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Kawasan Ternakan Kambing Di Atas Lot 836, Mukim 12, Seberang Perai Tengah	253,727	(43,694)	(17.2)	210,033
8.	Cadangan Pembinaan Menara Pemancar Telekomunikasi Dan Kabin Peralatan Di Tapak 'B' Di Atas Sebahagian Lot 389, Mk. 6, Kampung Pertama, Jalan Permatang Nibung, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah	196,881	(2,668)	(1.3)	194,214

Sumber : Rekod PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Analisis Audit mendapati Arahan Perubahan Kerja bagi 6 daripada 8 kontrak yang dilaksanakan menyebabkan pengurangan kepada kos kontrak asal antara RM2,668 atau 1.3% hingga RM139,283 atau 3.3% manakala perubahan kerja bagi 2 kontrak lagi telah menambah kos sebanyak RM402,560 atau 2.4% dan RM37,561 atau 54% daripada kos kontrak asal. Adalah didapati semua Arahan Perubahan Kerja diluluskan oleh Juru Perunding Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

#### iv) Projek Yang Dilaksanakan Oleh Kontraktor

Mengikut amalan Syarikat, projek yang melibatkan kerja pembinaan struktur, melepa, mekanikal dan elektrik, pemasangan paip dan sewerage, pembinaan

perparitan, membuat *paving*, memasang *tile* dan *stone works*, mengukur, kerja-kerja tukang kayu akan diberikan kepada kontraktor yang diluluskan oleh Perbadanan. Semakan Audit mendapati terdapat beberapa projek yang telah diberikan kepada kontraktor pada tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti berikut:

- Projek Perumahan Intan Cempaka yang melibatkan pembinaan 295 unit rumah teres setingkat di Batu Kawan yang bernilai RM17.09 juta telah melibatkan bayaran kepada kontraktor sebanyak RM12.54 juta atau 73.9% daripada harga kontrak. Projek ini telah siap dibina pada 25 Februari 2007 dengan kos sebanyak RM17.09 juta. Projek ini masih dalam tempoh masa kecacatan selama 24 bulan.
- Projek Villa Tanjung Permai melibatkan pembinaan 25 unit rumah banglo satu setengah tingkat, 15 unit rumah banglo satu tingkat, 8 unit rumah berkembar jenis A satu tingkat, 20 unit rumah berkembar jenis B satu tingkat dan 20 unit rumah teres satu tingkat di Mukim 13, Seberang Perai Selatan ditawarkan kepada 13 kontraktor dengan jumlah RM10.64 juta atau 64.5% daripada harga kontrak. Projek bernilai RM16.49 juta mula dilaksanakan pada 1 Disember 2006. Projek ini masih dalam pelaksanaan dan telah mencapai tahap kemajuan 30%. Lawatan Audit mendapati pemantauan oleh agen tapak dan penyelia tapak dijalankan dari semasa ke semasa dan Buku Harian Tapak disediakan dengan baik kecuali tidak ditandatangani oleh pihak kontraktor setiap hari bagi mengesahkan kemajuan kerja yang dijalankan. Projek Villa Tanjung Permai adalah seperti di **Foto 1**.

**Foto 1**  
**Projek Villa Tanjung Permai, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 16 Ogos 2007

Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan

#### v) Bayaran Dan Tuntutan Kemajuan Kerja

Tuntutan bayaran kemajuan terhadap kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh

Syarikat akan dikemukakan kepada pelanggan berdasarkan kepada peratus kemajuan siap kerja. Bayaran ini akan dijelaskan oleh pelanggan mengikut penilaian yang dibuat oleh juru perunding pelanggan. Manakala tuntutan yang dikemukakan oleh kontraktor atas kerja-kerja yang dilaksanakan akan dibayar oleh Syarikat setelah penilaian dijalankan oleh pihak Syarikat.

Semakan Audit mendapati kesemua 26 pembayaran kepada pihak kontraktor oleh syarikat bagi projek Perumahan Intan Cempaka telah dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu antara 2 hingga 15 hari dari tarikh tuntutan. Bagaimanapun, 7 daripada 21 bayaran kemajuan yang dituntut daripada pelanggan lewat diterima melebihi tempoh 44 hari seperti yang ditetapkan dalam syarat kontrak.

**Pada pendapat Audit, pengurusan operasi Syarikat adalah memuaskan kerana Petunjuk Pencapaian Prestasi telah diwujudkan. Bagaimanapun, Syarikat perlu menyemak petunjuk pencapaian prestasi tersebut dari semasa ke semasa supaya lebih bersesuaian dengan aktiviti Syarikat dan menyediakan laporan pencapaianya. Selain itu, bayaran kemajuan oleh pelanggan adalah kurang memuaskan kerana masih berlaku kelewatan.**

#### **17.4.2 Pentadbiran**

Bagi memastikan prestasi syarikat dapat dikekalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa, Syarikat ada menyediakan beberapa garis panduan dan mekanisme pemantauan seperti berikut:

##### **a) Garis Panduan Dan Prosedur Kerja**

Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman terhadap urusan pentadbiran, Syarikat telah menetapkan polisi, garis panduan, *Standard*, prosedur dan terma-terma perkhidmatan dan kewangan. Prosedur ini menetapkan syarat pelantikan kakitangan, kadar kenaikan gaji, syarat kenaikan pangkat, kadar bayaran elauan dan kemudahan kepada kakitangan, tata kelakuan dan tindakan tata tertib. Di samping itu, Syarikat juga menggunakan prosedur perolehan kerja/perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan dan tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

##### **b) MS-ISO 9001:2000**

Dalam memastikan Syarikat sentiasa berada di satu tahap standard yang diiktiraf, Syarikat telah membangunkan Sistem Pengurusan Berkualiti yang telah mendapat pengiktirafan MS-ISO 9001:2000 pada tahun 2005. Sistem Pengurusan Berkualiti menggariskan antaranya proses pengurusan sumber, proses latihan, proses lantikan, proses pemilihan kontraktor baru, proses pemilihan pembekal baru, proses bayaran kemajuan, proses tender, proses perancangan dan pembinaan projek, proses pembelian dan kontrak, prosedur bekalan cerucuk konkrit, prosedur kerja ukur, proses

aliran perubahan kerja, proses aliran tempoh kecacatan projek dan proses penyerahan projek siap dibina. Pengiktirafan ini dapat membantu perancangan strategik Syarikat supaya sentiasa lebih baik dan kemas kini. Bagi tujuan ini, Syarikat telah menetapkan objektif dan Polisi Kualiti Syarikat seperti berikut:

“Syarikat PDC Nusabina Sdn. Bhd. adalah komited kepada MS-ISO 9001:2000 dan akan berusaha bagi mencapai keselamatan yang menyeluruh dan kepuasan pelanggan melalui penambahbaikan yang berterusan.”

Selain itu, Polisi Kualiti Syarikat menetapkan sasaran pencapaian seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Sasaran Pencapaian Polisi Kualiti Syarikat**

Sasaran Kualiti	Pencapaian
Kemalangan Mengakibatkan Maut	0 kes/projek
Kemalangan Parah	Maksimum 5 kes/projek
Kemalangan Ringan	Maksimum 5 kes/projek
Kecacatan Besar	Maksimum 10 kecacatan/unit/projek
Kecacatan Kecil	Maksimum 15 kecacatan/unit/projek
Kelewatan	Bawah 5% /projek
Aduan	Maksimum 15 aduan
Latihan	Minimum 4 jam setahun bagi setiap kakitangan
Prestasi Pembekal/ Subkontraktor	Minimum 7 mata/projek
Kepuasan Pelanggan	Minimum 15 mata/projek

*Sumber : Manual MS-ISO PDC Nusabina Sdn. Bhd.*

Walaupun Syarikat telah mencapai sasaran polisi kualiti seperti yang ditetapkan di **Jadual 39**, pemeriksaan Audit yang dibuat berdasarkan laporan semakan oleh pihak pengurusan MS-ISO mendapati Syarikat masih belum menepati beberapa kehendak MS-ISO seperti berikut:

- i) Salinan induk/asal (*master copy*) dan salinan kawalan (*control copy*) lukisan binaan bagi projek pindaan dan pengubahsuaian Rumah Kelab Bukit Jambul tidak disediakan;
- ii) Tempat penginapan pekerja dan kawasan sekitar tapak bina di Projek Rumah Kelab Bukit Jambul tidak diuruskan dengan baik;
- iii) Aspek keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak bina bagi Projek Rumah Kelab Bukit Jambul dan Projek Pembinaan Villa Tanjung Permai tidak memenuhi kehendak Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan
- iv) Tinjauan terhadap kepuasan pelanggan belum dilaksanakan bagi tahun 2007.

**c) Mesyuarat Keselamatan Dan Kesihatan Di Tapak Bina**

Antara perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah isu berkenaan keselamatan, kesihatan pekerja, kebersihan dan lain-lain urusan di tapak bina. Semakan Audit mendapati mesyuarat berkenaan telah diadakan sebanyak 3 kali pada

tahun 2005, 4 kali pada tahun 2006 dan 2 kali pada tahun 2007. Mesyuarat ini telah membincangkan isu keselamatan, kesihatan pekerja, kebersihan di tapak, pemasangan papan tanda, permit kerja, penggunaan jentera serta penggunaan dan penyimpanan bahan binaan.

**d) Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah penting bagi mengawasi perkembangan syarikat supaya tindakan segera dan sewajarnya dapat diambil demi mencapai objektif dan sasaran prestasi Syarikat. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan bahawa Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh setiap tiga bulan.

Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2005, sekali pada tahun 2006 dan sekali pada tahun 2007. Antara perkara yang dibincangkan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah berkenaan dengan laporan projek semasa, akaun-akaun pengurusan, belanjawan tahunan, masalah pekerja, senarai projek yang di tender dalam tahun semasa, laporan kewangan Syarikat, laporan prestasi Syarikat, cadangan penambahan prestasi Syarikat dan isu semasa yang berkaitan.

**Pada pendapat Audit, kekerapan mesyuarat adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi sepenuhnya peraturan yang ditetapkan.**

**e) Mesyuarat Agung Tahunan Dan Mesyuarat Luar Biasa**

Mengikut perkara 47 Memorandum dan Tataurusan Syarikat, Mesyuarat Agung perlu diadakan sekali setiap tahun bagi membincangkan dan mengesahkan Penyata Kewangan Syarikat dan usul pelantikan serta peletakan jawatan Ahli Lembaga Pengarah. Manakala Mesyuarat Luar Biasa pula diadakan mengikut keperluan. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan bagi tahun 2005 hingga 2007. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah melulus dan menerima Penyata Kewangan Syarikat, hal-hal pelantikan dan peletakan jawatan Ahli Lembaga Pengarah dan pelantikan semula Juruaudit. Mesyuarat Luar Biasa pula telah diadakan sekali pada tahun 2007 dan perkara yang dibincangkan adalah mengenai bajet 2007 dan tawaran sebut harga yang diselaraskan.

**f) Mesyuarat Pegawai Kanan Dan Ketua Pegawai Eksekutif**

Mesyuarat ini membincangkan prestasi kewangan Syarikat, kemajuan projek Syarikat dan pencapaian MS-ISO 9001-2000. Semakan Audit mendapati mesyuarat tersebut tidak diadakan pada tahun 2005 dan 2006 manakala pada tahun 2007 ianya telah diadakan sebanyak 2 kali. Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat ini adalah berkenaan dengan laporan suku tahun, Petunjuk Pencapaian Prestasi, prestasi kewangan Syarikat, perhubungan antara anak syarikat Perbadanan, laporan akauntan,

kemajuan projek PDC Nusabina Sdn. Bhd., masalah kewangan, pengambilan pekerja, MS-ISO dan pembangunan sumber manusia.

**g) Mesyuarat Pengurusan Kakitangan**

Mesyuarat ini diadakan bertujuan sebagai tempat berinteraksi antara pihak pengurusan dengan kakitangan Syarikat. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah laporan MS-ISO, laporan projek, laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, perlindungan insurans kakitangan, gaji kakitangan, buku log pengawalan pergerakan lori, pinjaman kenderaan dan komputer kakitangan, Petunjuk Pencapaian Prestasi, pengambilan pekerja asing, cadangan untuk melibatkan diri dalam pembuatan dan penjualan bata pasir, mutu kerja di tapak bina, proses tender, peraturan kewangan dan lain-lain. Semakan Audit mendapati mesyuarat berkenaan telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2005, sebanyak 5 kali pada tahun 2006 dan sekali pada tahun 2007. Selain itu, bilangan mesyuarat yang diadakan juga tidak konsisten. Ini menunjukkan perancangan jadual mesyuarat perlu dibuat supaya selaras dengan ketetapan petunjuk pencapaian prestasi Syarikat.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran Syarikat adalah memuaskan kerana peraturan pentadbiran telah diwujudkan serta dipatuhi dan mesyuarat pelbagai peringkat telah diadakan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan, salinan induk dan salinan kawalan lukisan binaan projek tidak disediakan, tempat penginapan pekerja dan kawasan sekitar tapak bina tidak diuruskan dengan baik, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 tidak dipatuhi dan tinjauan kepuasan pelanggan bagi tahun 2007 belum dilaksanakan.**

## **17.5 PENGURUSAN RISIKO**

Risiko ialah kebarangkalian berlakunya sesuatu perkara yang boleh memberi kesan negatif terhadap pencapaian rancangan Syarikat atau yang boleh menyebabkan objektif Syarikat sukar dicapai. Risiko yang mungkin terpaksa ditanggung oleh Syarikat boleh dikategorikan kepada 5 perkara utama iaitu Risiko Operasi (*operational risk*), Risiko Pasaran (*market risk*), Risiko Strategik (*strategic risk*), Risiko Projek/Program (*project/program risk*) dan Risiko Kewangan (*financial risk*). Bagi memastikan objektif Syarikat tercapai, tindakan yang berkesan hendaklah dirancang dan diambil untuk menguruskan risiko tersebut. Proses yang perlu diambil bagi menguruskan risiko boleh dibahagikan kepada 4 tahap asas iaitu *risk identification*, *risk analysis*, *risk control* dan *risk monitoring*. Tindakan yang perlu diambil oleh Syarikat dalam menguruskan risiko bergantung kepada tahap sesuatu risiko iaitu sama ada kemungkinannya berlaku adalah rendah (*low*), sederhana (*medium*) atau tinggi (*high*) dan sama ada kesannya adalah sedikit (*minor*), sederhana (*moderate*) atau signifikan (*significant*). Berikut adalah antara tindakan yang perlu dan telah diambil oleh Syarikat bagi menguruskan risiko yang dialaminya.

#### **17.5.1 Risiko Operasi (*Operational Risk*)**

Risiko Operasi merupakan risiko yang dialami oleh pengurus atau kakitangan dalam menjalankan operasi Syarikat pada setiap hari. Ia wujud diakibatkan peraturan atau sistem pentadbiran yang tidak lengkap, kesilapan pentadbiran atau manusia, *fraud*, salah guna kuasa dan aset, masalah kakitangan, kelemahan komunikasi, urus tadbir yang tidak telus, *cost overruns* dan sebagainya. Langkah yang perlu diambil oleh Syarikat adalah berdasarkan kepada hasil analisis risiko yang dibuat. Secara umumnya, antara langkah yang perlu diambil oleh sesuatu organisasi bagi mengurangkan kesan negatif risiko operasi ialah seperti berikut:

- a) Mewujudkan peraturan atau sistem pentadbiran yang lengkap contohnya peraturan perolehan, peraturan penggunaan aset, peraturan pejabat dan sebagainya;
- b) Mewujudkan mekanisme pemantauan seperti menubuhkan Jawatankuasa; dan
- c) Mengadakan mesyuarat pelbagai peringkat pengurusan secara berkala bagi membincangkan perkara berkaitan operasi Syarikat.

Pemeriksaan Audit mendapati Syarikat telah menetapkan polisi dan menggariskan terma-terma perkhidmatan dan kewangan seperti syarat pelantikan kakitangan, kadar kenaikan gaji, syarat kenaikan pangkat, kadar bayaran elauan dan kemudahan kepada kakitangan, tata kelakuan dan tindakan tatatertib. Di samping itu, Syarikat telah membangunkan Sistem Pengurusan Berkualiti yang telah mendapat pengiktirafan MS-ISO 9001:2000 dan menggunakan pakai prosedur perolehan kerja/perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan dan mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Kerajaan yang sedang berkuatkuasa. Mesyuarat Pegawai Kanan Dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Mesyuarat Pengurusan Kakitangan juga telah diadakan.

#### **17.5.2 Risiko Pasaran (*Market Risk*)**

Antara Risiko Pasaran yang mungkin dihadapi oleh Syarikat adalah kenaikan harga bahan mentah seperti simen, besi dan sebagainya. Langkah yang perlu diambil oleh Syarikat adalah berdasarkan kepada hasil analisis risiko yang dibuat. Kesan risiko ini boleh diminimumkan jika Syarikat mengambil langkah seperti membuat kajian harga bahan mentah dan pembekal alternatif sebelum menjalankan sesuatu projek pembangunan harta tanah. Mengikut keterangan kakitangan, Syarikat ada memantau harga bahan mentah dan pembekal alternatif tetapi tidak ada laporan khusus atau kertas kerja secara formal disediakan berkenaan perkara ini.

#### **17.5.3 Risiko Strategik (*Strategic Risk*)**

Risiko Strategik ialah risiko yang wujud dalam masa panjang. Antara risiko strategik yang mungkin dihadapi oleh Syarikat ialah tekanan dari pesaing dan pengguna, masalah peraturan atau perubahan polisi kerajaan, masalah pembekal, kejatuhan permintaan pengguna, kelewatan menjalankan *Research and Development (R&D)* dan sebagainya. Bagi mengurangkan kesan negatif risiko strategik antara langkah yang perlu diambil oleh

Syarikat ialah membuat kajian terhadap pesaing, membuat kajian terhadap kehendak pengguna, menjalankan *Research and Development (R&D)* dan membuat kajian berkenaan dengan alternatif pembekal bahan binaan. Pemeriksaan Audit terhadap minit-minit mesyuarat Syarikat mendapati perkara ini ada dibincangkan semasa mesyuarat pelbagai peringkat berkenaan tetapi tidak ada laporan khusus atau kertas kerja secara formal yang disediakan berkenaan.

#### **17.5.4 Risiko Projek/Program**

Antara risiko yang dihadapi oleh Syarikat apabila menjalankan sesuatu projek atau program adalah kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan akibat daripada faktor kepakaran, sumber manusia dan kewangan, kegagalan memperoleh keuntungan atau pulangan yang rendah apabila menjalankan sesuatu projek atau program, kegagalan memperoleh bahan mentah pada kuantiti dan harga yang rancang, kegagalan menyiapkan projek mengikut kos yang dirancang dan sebagainya. Bagi mengurangkan kesan negatif risiko projek/program antara langkah yang perlu diambil oleh Syarikat ialah seperti mewujudkan mekanisme pemantauan seperti menubuhkan Jawatankuasa, mengadakan mesyuarat berkenaan dengan projek atau program dari masa ke semasa atau secara berkala, bagi projek yang memerlukan kepakaran khas, juru perunding hendaklah dilantik dan Pegawai Penyelia projek atau program hendaklah kerap membuat lawatan tapak bagi memantau prestasi kemajuan kerja dan kualiti kerja. Pemeriksaan Audit mendapati Mesyuarat keselamatan dan kesihatan di tapak bina dan lawatan yang mencukupi telah dibuat oleh pegawai Syarikat ke tapak bina bagi memantau prestasi kemajuan kerja dan kualiti kerja.

#### **17.5.5 Risiko Kewangan**

Risiko Kewangan adalah risiko yang berkaitan dengan perancangan dan kawalan kewangan seperti Risiko Kenaikan Kadar Faedah, *Liquidity Risk* dan *Credit Risk*. Antara langkah yang perlu diambil oleh Syarikat bagi mengurangkan kesan negatif risiko kewangan adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan bajet tahunan yang lengkap dan terperinci dan melakukan perbelanjaan mengikut yang dirancang;
- b) Mewujudkan mekanisme bagi pemantauan hasil dan perbelanjaan seperti menubuhkan Jawatankuasa;
- c) Membuat analisis kewangan seperti menggunakan *financial ratios* dan sebagainya;
- d) Mengadakan mesyuarat bagi memantau hasil dan perbelanjaan Syarikat dari semasa ke semasa atau secara berkala;
- e) Menyediakan Penyata Aliran Tunai, Penyata/Laporan Kewangan Tahunan; dan
- f) Menggunakan standard perakaunan yang sedang berkuat kuasa.

Pemeriksaan Audit mendapati Syarikat telah menyediakan bajet tahunan, Penyata Kewangan Tahunan dan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat

Pegawai Kanan dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi merancang dan mengawal kedudukan kewangan Syarikat.

**Pada pendapat Audit, Syarikat telah mengambil langkah untuk memantau risiko yang dihadapinya menerusi mesyuarat yang diadakan. Bagaimanapun, tidak ada laporan yang khusus telah dibuat berkenaan pengurusan risiko tersebut.**

## 17.6 ANALISIS KEWANGAN

### 17.6.1 Analisis Terhadap Item Signifikan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun 2006 dan akaun pengurusan tahun 2007.

#### a) Nisbah Kecairan

Nisbah Kecairan berfungsi untuk menilai kemampuan Syarikat membayar liabiliti semasa menggunakan aset semasa. Memandangkan keperluan wang tunai adalah penting, nisbah kecairan perlu diambil kira bagi mengukur keupayaan membayar balik hutang dalam tempoh jangka pendek. Kadar nisbah kecairan Syarikat bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 39**.

**Jadual 39**  
**Nisbah Kecairan Syarikat Pada Tahun 2005 Hingga 2007**

Butiran	Tahun		
	2005	2006	2007
Nisbah Semasa	0.93	1.22	1.18
Nisbah Cepat	0.29	0.47	0.79

Sumber : Penyata Kewangan PDC Nusabina Sdn. Bhd.

#### i) Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan mengukur kemampuan sesebuah syarikat menjelaskan segala hutang dalam jangka pendek iaitu membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Penganalisis penyata kewangan berpendapat bahawa nisbah semasa mengikut *rules of thumb* adalah sekurang-kurangnya pada kadar 2:1. Semakan Audit mendapati pada tahun 2007, tanggungan semasa adalah berjumlah RM6.56 juta berbanding dengan jumlah aset semasa yang berjumlah RM7.75 juta. Nisbah semasa pada tahun 2005 ialah 0.93:1 berbanding 1.22:1 pada tahun 2006 dan 1.18:1 pada tahun 2007. Pada keseluruhannya kedudukan nisbah semasa Syarikat bagi ketiga-tiga tahun berkenaan adalah kurang daripada kadar 2:1. Ini menunjukkan kedudukan aset semasa berbanding dengan liabiliti semasa adalah kurang memuaskan.

#### ii) Nisbah Cepat

Kecairan kewangan sesebuah syarikat dapat diukur dengan menggunakan nisbah cepat. Semakin tinggi nisbah cepat maka semakin cair aset semasa Syarikat.

Penganalisis penyata kewangan berpendapat mengikut *rules of thumb*, nisbah cepat pada kadar 1:1 adalah memadai. Nisbah cepat kewangan Syarikat pada tahun 2005 adalah 0.29:1 berbanding 0.47:1 pada tahun 2006 dan 0.79:1 pada tahun 2007. Berdasarkan angka-angka ini, pada keseluruhannya kedudukan kecairan kewangan Syarikat adalah tidak memuaskan kerana bagi tempoh tiga tahun tersebut nisbah cepat adalah kurang daripada kadar 1:1. Ini menunjukkan nisbah aset cair Syarikat yang terdiri daripada tunai di bank dan simpanan tetap adalah kurang berbanding dengan tanggungan semasanya.

#### b) Nisbah Pertumbuhan

Nisbah pertumbuhan digunakan bagi menunjukkan sama ada perniagaan sesebuah syarikat bagi sesuatu tahun berkembang atau mengalami penurunan perolehan dan keuntungan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2005, Syarikat mengalami kerugian bersih sebelum cukai berjumlah RM0.99 juta, manakala pada tahun 2006 dan 2007 Syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai masing-masing berjumlah RM0.66 juta dan RM0.82 juta. Berdasarkan angka-angka tersebut, pada tahun 2005 hingga 2007 nisbah pertumbuhan Syarikat adalah seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**

**Nisbah Pertumbuhan Syarikat Pada Tahun 2005 Hingga 2007**

Butiran	Tahun		
	2005	2006	2007
	Peratus (%)	Peratus (%)	Peratus (%)
Growth Rate Of Profit	43.4	166.7	24.2

Sumber : Penyata Kewangan PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Pada tahun 2005, nisbah pertumbuhan Syarikat adalah 43.4%, kemudiannya meningkat kepada 166.7% pada tahun 2006 dan mengalami penurunan sebanyak 142.5% pada tahun 2007 kepada 24.2%. Pada keseluruhannya, walaupun tidak konsisten, nisbah pertumbuhan Syarikat adalah positif bagi ke tiga-tiga tahun berkenaan. Ini menunjukkan Syarikat sedang berkembang dengan mendapat pulangan yang bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya.

**Pada pendapat Audit, nisbah pertumbuhan Syarikat yang positif membolehkan Syarikat berkembang dengan mendapat pulangan yang bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Bagaimanapun, berdasarkan nisbah kecairannya yang rendah, Syarikat tidak mempunyai tunai di bank dan simpanan tetap yang mencukupi untuk menjelaskan tanggungan jangka pendeknya.**

### 17.6.2 Analisis Trend


Semakan Audit mendapati trend kedudukan kewangan Syarikat bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 41** dan **Carta 8**.

**Jadual 41**  
**Kedudukan Kewangan Syarikat Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Hasil Daripada Aktiviti Pembinaan (Turnover)	6.58	4.22	6.47	12.65	14.80
2.	Untung Kasar	(0.24)	(1.27)	(0.35)	1.45	1.68
3.	Untung Bersih/(Rugi) Sebelum Cukai	(0.72)	(1.75)	(0.99)	0.66	0.82
4.	Untung Bersih/(Rugi) Selepas Cukai	(0.72)	(1.75)	(1.01)	0.63	0.82
5.	Aset Tetap Dan Pelaburan Lain	0.56	0.55	0.53	0.54	0.53
6.	Tunai Di Bank Dan Simpanan Tetap	0.06	1.49	0.86	0.85	5.20
7.	Aset Semasa	2.87	0.73	1.95	1.34	2.55
8.	Jumlah Aset Semasa	2.93	2.22	2.81	2.19	7.75
9.	Jumlah Aset	3.49	2.77	3.34	2.73	8.28
10.	Tanggungan Semasa	2.62	1.37	3.00	1.79	6.56
11.	Tanggungan Jangka Panjang	0.21	0.17	0.14	0.10	0.07
12.	Jumlah Tanggungan	2.83	1.54	3.14	1.89	6.63
13.	Modal Kerja	0.31	0.85	(0.19)	0.44	5.96
14.	Modal Saham	0.75	3.05	3.05	3.05	3.05
15.	Untung/(Rugi) Terkumpul	(0.08)	(1.83)	(2.84)	(2.21)	(1.39)

Sumber : Penyata Kewangan PDC Nusabina Sdn. Bhd.

**Carta 8**  
**Kedudukan Kewangan Syarikat Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**



Sumber : Penyata Kewangan PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Semakan Audit terhadap kedudukan kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 2003 hingga 2007 mendapati perkara-perkara seperti berikut:

- a) Walaupun pada tahun 2004 hasil yang diperoleh oleh Syarikat daripada aktiviti pembinaan mengalami sedikit penurunan berbanding tahun 2003, hasil daripada aktiviti ini telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2005 hingga 2007. Pada tahun 2007, hasil yang diperoleh oleh Syarikat daripada aktiviti pembinaan adalah berjumlah RM14.80 juta;
- b) Keuntungan bersih selepas cukai Syarikat pada tahun 2006 dan 2007 juga telah menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding kerugian pada tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2007, keuntungan selepas cukai Syarikat adalah berjumlah RM0.82 juta;
- c) Jumlah aset Syarikat juga semakin bertambah pada tahun 2007 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada akhir tahun 2007, jumlah aset Syarikat adalah berjumlah RM8.28 juta;
- d) Jumlah tanggungan Syarikat yang terdiri daripada jangka pendek dan jangka panjang juga telah meningkat pada akhir tahun 2007 iaitu sejumlah RM6.63 juta. Bagaimanapun jika dibandingkan dengan jumlah aset yang berjumlah RM8.28 juta, jumlah aset adalah melebihi jumlah tanggungan; dan
- e) Walaupun Syarikat masih mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM1.39 juta pada akhir tahun 2007, tetapi angka ini telah berkurangan berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM2.21 juta.

**Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat pada akhir tahun 2007 adalah bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Bagaimanapun, Syarikat masih perlu mempergiatkan lagi usahanya untuk mengekalkan keuntungan yang positif dan seterusnya mengurangkan kerugian terkumpul yang dialaminya.**

#### 17.6.3 Analisis Aliran Tunai

Semakan Audit terhadap Penyata Aliran Tunai Syarikat bagi tahun 2005 hingga 2007 mendapati punca terimaan wang tunai dan penggunaannya adalah seperti di **Jadual 42**.

**Jadual 42**  
**Aliran Tunai Syarikat Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
1.	Aliran tunai masuk/(keluar) daripada aktiviti operasi	(2,473,933)	196,398	(2,978,731)
2.	Aliran tunai masuk/(keluar) daripada aktiviti pelaburan	3,585	(24,407)	(11,792)
3.	Aliran tunai masuk/(keluar) daripada aktiviti kewangan	2,054,991	(32,212)	(34,706)
4.	Peningkatan/(Pengurangan) tunai dan setara tunai	(415,357)	139,779	(3,025,229)
5.	Tunai dan setara tunai pada awal tahun	857,952	442,595	582,374
6.	Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	442,595	582,374	(2,442,885)

Sumber : Penyata Kewangan PDC Nusabina Sdn. Bhd.

Semakan Audit terhadap aliran tunai Syarikat pada tahun 2007 mendapati, kedudukan tunai dan setara tunai semakin lemah berbanding tahun-tahun sebelumnya dan berbaki negatif iaitu sejumlah RM2.44 juta. Ini terutamanya disebabkan aliran wang keluar bagi tujuan aktiviti operasi yang berjumlah RM2.98 juta pada tahun 2007. Perkara ini berlaku kerana perbelanjaan bagi kerja pembinaan atau kontrak telah dilakukan tetapi bayaran kemajuan belum dituntut daripada pelanggan. Pada akhir tahun 2007, jumlah yang terhutang oleh pelanggan bagi kerja pembinaan atau kontrak adalah berjumlah RM4.37 juta. Bagi menampung kekurangan tunai dan setara tunai tersebut, Syarikat telah mendapatkan pinjaman jangka pendek yang berupa *Revolving Credit Facility* berjumlah RM5 juta daripada bank tempatan.

**Pada pendapat Audit, aliran tunai masuk Syarikat bagi tahun 2007 adalah tidak memuaskan kerana mengalami kekurangan tunai yang kritikal.**

#### 17.6.4 Analisis Ekuiti

Berdasarkan Penyata Kewangan Syarikat, berikut adalah analisis Audit terhadap ekuiti Syarikat atau dikenali sebagai nisbah kestabilan. Nisbah kestabilan dikira bagi menunjukkan keupayaan Syarikat menggunakan aset dan ekuiti yang dimiliki untuk menjana pendapatannya. Nisbah kestabilan Syarikat bagi tahun 2005 hingga tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 43**.

**Jadual 43**  
**Nisbah Kestabilan Syarikat Pada Tahun 2005 Hingga 2007**

Butiran	Tahun		
	2005	2006	2007
Pulangan Atas Ekuiti	(0.33)	0.21	0.27
Nisbah Hutang Kepada Jumlah Aset	0.94	0.69	0.80
Pulangan Atas Jumlah Aset	(0.30)	0.23	0.10
Pendapatan Sesaham (RM)	(0.33)	0.21	0.27

*Sumber : Penyata Kewangan PDC Nusabina Sdn. Bhd.*

##### a) Pulangan Atas Ekuiti

Penganalisis kewangan berpendapat (*rules of thumb*), peratusan pulangan atas ekuiti yang lebih besar adalah lebih baik. Pulangan atas ekuiti pada tahun 2007 ialah 0.27 berbanding 0.21 pada tahun 2006 dan kerugian sebanyak 0.33 pada tahun 2005. Ini menunjukkan pada tahun 2007, jumlah pulangan yang diperoleh berbanding jumlah ekuiti pemegang saham Syarikat adalah bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya.

##### b) Nisbah Hutang Kepada Jumlah Aset

Nisbah hutang menunjukkan jumlah hutang yang perlu ditanggung oleh Syarikat untuk menghasilkan aset Syarikat. Mengikut *rules of thumb*, nisbah hutang pada kadar 1:1 atau kurang adalah dianggap selamat. Pada akhir tahun 2007, Syarikat mempunyai jumlah aset berjumlah RM8.28 juta berbanding RM2.73 juta pada tahun 2006 dan

RM3.34 juta pada tahun 2005. Jumlah tanggungan pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM6.63 juta berbanding RM1.89 juta pada tahun 2006 dan RM3.14 juta pada tahun 2005. Berdasarkan jumlah hutang dan jumlah aset tersebut, nisbah hutang kepada jumlah aset Syarikat ialah 0.80 pada tahun 2007, sebanyak 0.69 pada tahun 2006 dan sebanyak 0.94 pada tahun 2005. Kedudukan ini adalah masih selamat kerana nisbahnya kurang daripada 1:1.

**c) Pulangan Atas Jumlah Aset**

Pengiraan kadar pulangan atas jumlah aset digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Penganalisis penyata kewangan berpendapat mengikut *rules of thumb*, semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat dalam menggunakan aset. Kadar pulangan atas jumlah aset pada tahun 2005 hingga 2007 adalah sebanyak (0.30):1 pada tahun 2005, sebanyak 0.23:1 pada tahun 2006 dan sebanyak 0.10:1 pada tahun 2007. Ini bermakna Syarikat mendapat pulangan sebanyak RM0.10 bagi setiap RM1 nilai aset yang digunakan pada tahun 2007 dan RM0.23 bagi setiap RM1 nilai aset yang digunakan pada tahun 2006 tetapi mengalami kerugian pada tahun 2005 iaitu sejumlah RM0.30 bagi setiap RM1 nilai aset yang digunakan.

**d) Pendapatan Sesaham**

Pendapatan sesaham menunjukkan keuntungan yang diperoleh bagi setiap unit saham biasa. Pendapatan sesaham yang ditunjukkan pada tahun 2007 telah meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu keuntungan RM0.27 sesaham. Ini adalah bertambah baik berbanding keuntungan RM0.21 sesaham pada tahun 2006 dan kerugian RM0.33 sesaham pada tahun 2005.

**Pada pendapat Audit, keupayaan Syarikat untuk menggunakan ekuiti dan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatannya adalah memuaskan bagi tahun 2007 kerana berada pada keadaan positif. Bagaimanapun, kadar pulangan tersebut khususnya Pulangan Atas Jumlah Aset dan Pendapatan Sesaham masih rendah.**

**18. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat pada tahun 2007 adalah bertambah baik kerana telah berupaya memperoleh keuntungan berjumlah RM0.82 juta berbanding keuntungan sejumlah RM0.63 juta pada tahun 2006 dan kerugian sejumlah RM1.01 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun, Syarikat masih mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM1.39 juta pada akhir tahun 2007. Oleh itu, adalah disyorkan Syarikat mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Mewujudkan rancangan korporat yang komprehensif merangkumi pelaksanaan projek

jangka pendek dan jangka panjang agar Syarikat dapat menetapkan hala tuju yang lebih berkeyakinan;

- b)** Merangka Rancangan Strategik Jangka Panjang dengan mengkaji peluang perniagaan yang ada seperti penglibatan dalam pembinaan bandar-bandar baru dan projek mega kerajaan.
- c)** Menambah modal berbayar kepada satu tahap yang membolehkan Syarikat mencebur dalam projek-projek pembinaan yang lebih besar dan pelbagai serta mendapatkan projek melalui tender terbuka;
- d)** Indikator petunjuk prestasi Syarikat perlulah dibuat selaras dengan Industri yang sama di pasaran;
- e)** Menyediakan bajet yang lebih baik selaras dengan aktiviti Syarikat supaya sumber-sumber yang sedia ada dapat digunakan secara optimum dan berkesan;
- f)** Menentukan kualiti produk pembinaan yang dilaksanakan berada pada tahap yang baik. Syarikat perlu mendapat maklum balas kepuasan pelanggan bukan sahaja daripada pelanggannya tetapi juga daripada pengguna akhir;
- g)** Mematuhi Kehendak Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 berkenaan Keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak bina;
- h)** Mengkaji peluang yang ada untuk memaksimumkan penggunaan aset dan saham berbayar syarikat supaya kadar pulangan atas jumlah aset dan pendapatan sesaham dapat dipertingkatkan; dan
- i)** Mengawal dan memantau aliran tunai masuk dan keluar syarikat dengan lebih teliti.

**BAHAGIAN VI**  
**PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN**  
**DAN MAJLIS AGAMA ISLAM**

**19. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Ketua Audit Negara juga mengaudit akaun Agensi Negeri yang terdiri daripada Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**20. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

**20.1** Sehingga akhir tahun 2007, ada 4 Badan Berkanun Negeri, 2 Pihak Berkuasa Tempatan, satu Majlis Agama Islam dan 3 Kumpulan Wang yang mana Penyata Kewangannya diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Daripada jumlah tersebut, Penyata Kewangan bagi satu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan 3 Kumpulan Wang diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Manakala Penyata Kewangan 3 Badan Berkanun Negeri dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh Firma Audit Swasta yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Pelantikan Firma Audit Swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

**20.2** Bagi memastikan Firma Audit Swasta menjalankan pengauditan selaras dengan arahan yang ditetapkan, Jabatan Audit Negara memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, Firma Audit Swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya, pendekatan Audit dan tempoh pengauditan. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan Firma Audit Swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk menjalankan pengauditan serta memastikan pengauditan dijalankan bagi tempoh yang ditetapkan. Pada akhir pengauditan, Firma Audit Swasta dikehendaki mengemukakan penemuan Audit berserta fail kerja, senarai terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk memastikan perkara *materi al* dibangkitkan, bukti audit mencukupi dan memuaskan serta mengikut format. Setiap akhir tahun, prestasi semua Firma Audit Swasta dinilai dan akan diambil kira dalam membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

## **21. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Mengikut undang-undang, semua Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk pengauditan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada keseluruhannya, penyerahan Penyata Kewangan Agensi berkenaan adalah menepati kehendak undang-undang yang berkenaan. Semua Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberikan komitmen yang baik dengan menyerahkan Penyata Kewangan yang kemas kini mengikut tempoh yang ditetapkan. Maklumat lanjut mengenai kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri sehingga akhir bulan Mei 2008 adalah seperti di **Lampiran VI**.

## **22. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2006**

Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat yang dikeluarkan terhadap Penyata Kewangan adalah dijelaskan melalui persijilan iaitu sama ada Sijil Tanpa Teguran, Berteguran, *Adverse* atau *Disclaimer*. Pada tahun 2007, semua Penyata Kewangan 7 Agensi Negeri dan 3 Kumpulan Wang memperolehi Sijil Tanpa Teguran sebagaimana butiran lanjut di **Jadual 44**.

**Jadual 44**  
**Penyata Kewangan Agensi Negeri Yang Diberi Sijil Tanpa Teguran**

Bil.	Akaun	Tahun Akaun
	<b>Agensi Negeri</b>	
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	2006
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang	2006
3.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	2006
4.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	2006
5.	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	2006
6.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2006
7.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	2006
	<b>Kumpulan Wang</b>	
8.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	2006
9.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	2006
10.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	2006

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## **23. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehubungan itu, sehingga akhir bulan Mei 2008, tiga Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi tahun kewangan 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi 5 Agensi, penyata kewangan yang dibentangkan adalah bagi tahun 2005. Bagi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang pula, penyata kewangan yang dibentangkan adalah bagi tahun 2001. Bagaimanapun, Akaun Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang tidak pernah dibentangkan kerana keperluan ini tidak dinyatakan dalam enakmennya. Maklumat terkini mengenai pembentangan penyata kewangan Agensi adalah seperti di **Jadual 45**.

**Jadual 45**  
**Kedudukan Pembentangan Terkini Penyata Kewangan Agensi**

Bil.	Akaun	Tahun Akaun
	<b>Agensi Negeri</b>	
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	2005
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	2005
3.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	2005
4.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	2001
5.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2005
6.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	2005
	<b>Kumpulan Wang</b>	
7.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	2006
8.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	2006
9.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	2006

*Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara*

## **24. PRESTASI KEWANGAN**

Prestasi kewangan Agensi Negeri bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 adalah seperti berikut:

### **24.1 KEDUDUKAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM**

Analisis terhadap prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 mendapat 5 Agensi mencatatkan surplus manakala 3 Agensi mencatatkan defisit.

Prestasi kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah baik kerana pada akhir tahun 2006, Perbadanan telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM45.26 juta berbanding sejumlah RM36.46 juta pada tahun 2005 iaitu peningkatan sejumlah RM8.80 juta atau 24.1%. Analisis Audit juga mendapati aset semasa bersih bagi kesemua 8 Agensi termasuk Majlis Agama Islam adalah antara RM0.15 juta hingga RM404.74 juta. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 46**.

**Jadual 46**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006**

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2006			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	174.09	128.83	45.26	495.73	90.99	404.74
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang	7.62	7.10	0.52	1.98	0.55	1.43
3.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	1.36	0.89	0.47	1.98	0.01	1.97
4.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	5.54	7.49	(1.95)	0.84	0.32	0.52
5.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	0.27	0.00	0.27	0.93	0.00	0.93
6.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	0.62	1.37	(0.75)	0.92	0.77	0.15
7.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	0.01	0.02	(0.01)	0.37	0.01	0.36
8.	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	40.62	37.84	2.78	72.46	25.71	46.75

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 24.2 KEDUDUKAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Analisis terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 mendapati kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah bertambah baik daripada defisit sejumlah RM9.66 juta pada tahun 2005 menjadi surplus sejumlah RM1.22 juta pada tahun 2006. Kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada tahun semasa bertambah baik kerana defisit Majlis hanya berjumlah

RM5.40 juta pada tahun 2006 berbanding RM57.07 juta pada tahun 2005 atau pengurangan defisit sebanyak 90.5%. Pengurangan ini disebabkan oleh jumlah hasil cukai taksiran yang meningkat hampir RM10 juta berbanding tahun sebelumnya dan penurunan yang ketara di dalam perbelanjaan seperti perkhidmatan iktisas, kos perjalanan dan sara hidup serta perbelanjaan bagi pembangunan harta modal. Analisis terhadap aset semasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang menunjukkan peningkatan sebanyak RM514.98 juta pada tahun 2006. Manakala aset semasa Majlis Perbandaran Seberang Perai menurun sejumlah RM15.65 juta pada tahun 2006 berbanding 2005. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 47**.

**Jadual 47**  
**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir**  
**31 Disember 2006**

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2006			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM juta)	Liabiliti Semasa (RM juta)	Aset Semasa Bersih (RM juta)
1.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	148.70	154.11	(5.40)	81.26	150.11	(68.85)
2.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	204.08	202.85	1.22	242.71	44.44	198.27

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

### 24.3 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Tunggakan cukai taksiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada tahun 2006 adalah berjumlah RM40.32 juta berbanding sejumlah RM43.17 juta pada tahun 2002. Ini menunjukkan penurunan sejumlah RM2.85 juta atau sebanyak 6.6%. Manakala bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai pula, tunggakan cukai taksiran pada tahun 2006 adalah sejumlah RM51.50 juta berbanding RM39.79 juta pada tahun 2002 iaitu peningkatan sejumlah RM11.71 juta atau 29.4%. Peningkatan tunggakan cukai taksiran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah disebabkan semakan semula kadar cukai taksiran dan premis yang dijual tetapi belum ditukar hak milik. Butiran lanjut tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 48**.

**Jadual 48**  
**Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tempoh**  
**2002 Hingga 2006**

Bil.	Nama Agensi	Tunggakan Cukai Taksiran				
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	43.17	40.51	35.09	41.59	40.32
2.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	39.79	45.28	38.07	48.03	51.50

*Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara*

**BAHAGIAN VII**  
**TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2006**

## 25. PENDAHULUAN

Bahagian ini melaporkan kedudukan tindakan susulan yang telah diambil oleh Jabatan/Agensi terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 dan tahun sebelumnya. Pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan pada Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006.

## 26. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2006. Pemeriksaan susulan dibuat terhadap 7 Jabatan /Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 49**.

**Jadual 49**

**Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Mengenai Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**

Bil.	No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
<b>1. JABATAN KEWANGAN NEGERI DAN PERBENDAHARAAN NEGERI</b>				
	10.2.4	<b>Pengesahan Laporan Hasil Bulanan</b> Pemungut lewat mengemukakan Pengesahan Laporan Hasil Bulanan antara 10 hingga 247 hari.	Kelewatan mengemukakan Laporan masih berlaku.	Perbendaharaan Negeri perlu memantau Pemungut yang lewat mengemukakan Pengesahan Laporan Hasil Bulanan.
	10.2.5	<b>Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan)</b> Urusniaga dan butiran lama dalam Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan) belum diselesaikan.	Butiran yang belum diambil kira belum diselesaikan.	Tindakan mengenal pasti dan menyelaras butiran berkaitan perlu diambil bagi mengelakkan ianya daripada berlarutan.
	10.3.4	<b>Kawalan Pembayaran a) Baucar Bayaran</b> i) Perakuan dan tandatangan pegawai tidak mengikut peraturan  ii) Dokumen sokongan bagi baucar bayaran yang telah diluluskan/dibayar tidak dicap	i) Masih tidak mengikut peraturan  ii) Masih ada kes tidak cap 'TELAH BAYAR'	Jabatan tidak mematuhi arahan Pegawai Kewangan Negeri.  Peraturan kewangan tidak dipatuhi.

		'TELAH BAYAR'.  iii) Bil/invois tidak dicap tarikh terima.	iii) Tarikh masih tidak ditunjukkan dalam bil/invois	Arahan Perbendaharaan 103 tidak dipatuhi.
Bil.	No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
		iv) Dokumen sokongan tidak sempurna.  v) Bil lewat dibayar/dijelaskan.  <b>b) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)</b> Terdapat urusniaga yang tidak dapat dikenal pasti dalam Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran).  <b>e) Pengesahan Perbelanjaan</b> Jabatan lewat mengemukakan Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan antara 10 hingga 85 hari  <b>f) Pembayaran Secara Tunai</b>	iv) Masih tidak mencukupi  v) Masih ada kes kelewatan menjelaskan bayaran.  Amaun masih tidak dapat dikenal pasti  Kelewatan mengemukakan Laporan masih berlaku  Masih berlaku kelewatan dalam penghantaran Laporan AP 96(a)	Arahan Perbendaharaan 99 tidak dipatuhi sepenuhnya.  Arahan Perbendaharaan 103 tidak dipatuhi.  Perbendaharaan Negeri perlu menyelesaikan perkara ini dengan segera.  Perbendaharaan Negeri perlu memantau Jabatan yang lewat mengemukakan Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan.  Arahan Perbendaharaan 96(a) tidak dipatuhi sepenuhnya
	10.6.4	<b>Pengesahan Laporan Amanah Bulanan</b> Jabatan lewat mengemukakan pengesahan Laporan Amanah Bulanan ke Perbendaharaan Negeri antara 10 hingga 200 hari.	Masih berlaku kelewatan mengemukakan Laporan	Perbendaharaan Negeri perlu memantau Jabatan yang lewat mengemukakan Pengesahan Laporan Amanah Bulanan.
2.	<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH</b>			
	15.1.2	<b>Manual Prosedur Kerja</b> Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah belum menyediakan Manual Prosedur Kerja	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah masih belum menyediakan Manual Prosedur Kerja.	Tindakan proaktif perlu diambil untuk menyediakan Manual Prosedur Kerja.
	15.1.3	<b>Fail Meja</b> Fail Meja belum disediakan bagi setiap anggota. Bagi kakitangan yang telah menyediakan Fail Meja, ianya masih belum lengkap dan kemas kini.	Fail Meja masih belum disediakan bagi setiap anggota. Bagi kakitangan yang telah menyediakan Fail Meja, ianya masih belum lengkap dan kemas kini.	Tindakan proaktif perlu diambil untuk menyediakan dan mengemas kini Fail Meja.
	15.1.4	<b>Senarai Tugas</b> Senarai tugas kakitangan di Bahagian Pentadbiran/ Kewangan dan Unit Hasil belum ditandatangani oleh Ketua Jabatan.	Senarai tugas kakitangan di Bahagian Pentadbiran/ Kewangan dan Unit Hasil (Bahagian Tanah) masih belum ditandatangani oleh Ketua Jabatan.	Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan menandatangani senarai tugas dengan segera.

Bil.	No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	15.2.6	<b>Daftar Mel</b> Daftar Mel tidak diperiksa setiap bulan.	Daftar Mel masih tidak diperiksa setiap bulan.	Ketua Jabatan perlu memastikan Daftar Mel diperiksa setiap bulan.
	15.4.1	<b>Akaun Deposit</b> <b>c) Penyata Penyesuaian Deposit Bulanan</b> Penyata Penyesuaian Deposit Bulanan (Deposit Daerah) tidak disediakan.  <b>d) Senarai baki Individu</b> Penyata Akaun Amanah masih tidak dihantar kepada Perbendaharaan.	Penyata Penyesuaian Deposit Bulanan (Deposit Daerah) masih tidak disediakan.  Penyata Akaun Amanah masih tidak dihantar kepada Perbendaharaan.	Ketua Jabatan perlu memantau dan memastikan Penyata Penyesuaian Deposit Bulanan (Deposit Daerah) disediakan.  Ketua Jabatan perlu memantau dan memastikan Penyata Akaun Amanah dihantar kepada Perbendaharaan
	15.5.1	<b>Daftar Harta Modal Dan Inventori</b> <b>f) Pemeriksaan Harta Modal Dan Inventori</b> Pemeriksaan tahunan tidak dijalankan terhadap harta modal dan inventori.	Pemeriksaan tahunan masih tidak dijalankan terhadap harta modal dan inventori.	Ketua Jabatan perlu memantau dan memastikan pemeriksaan tahunan dijalankan terhadap harta modal dan inventori.
	15.5.3	<b>Buku Log Kenderaan</b> Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Buku Log kenderaan masih tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Ketua Jabatan perlu memantau dan memastikan Buku Log kenderaan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
<b>3.</b>	<b>PELBAGAI JABATAN</b>			
	19.5.2	Pejabat Tanah Dan Galian, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Mufti tidak menyelenggara dengan lengkap dan kemas kini Daftar Harta Modal dan Inventori.  Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan terhadap harta modal dan inventori bagi keempat-empat Jabatan ini. Jabatan Mufti tidak mempunyai tanda pengenalan 'Hakmilik Kerajaan' manakala semua jabatan tidak menjalankan verifikasi stok.  Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mufti dan Jabatan Bekalan Air tidak menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini.	Semua Jabatan sedang mengemaskini dan sedang melaksanakan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 Mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.	Jabatan menunjukkan usaha untuk melaksanakan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 Mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
4.	<b>MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG</b>			
	32.2.6	<b>a) Pemeriksaan Buku Tunai Dan Penyata Pemungut</b> Buku Tunai dan slip bank penyata pemungut tidak disemak oleh pegawai penyelia Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.	Semakan ke atas Buku Tunai telah dibuat pada bulan Julai 2007 tetapi belum disemak pada tahun 2008. Slip bank masih belum disemak oleh Pegawai Penyelia.	Ketua Agensi perlu memantau dan memastikan Pegawai Penyelia menyemak slip bank.
	32.3.6	<b>b) Daftar Bil</b> Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang tidak menyelenggara Daftar Bil.	Daftar Bil ada diselenggara tetapi tidak lengkap.	Ketua Agensi perlu memantau dan memastikan Daftar Bil diselenggara dengan lengkap.
	32.4.1	<b>Daftar Harta Modal Dan Inventori</b> Daftar Harta Modal dan Inventori tidak kemas kini.	Daftar harta modal dan inventori masih tidak kemas kini.	Ketua Agensi perlu memantau dan memastikan Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan kemas kini.

**BAHAGIAN VIII**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

**27. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Prosedur Kewangan 1957, Penyata Kewangan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera yang boleh selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan pula menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehubungan itu, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2007.

**28. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri berperanan untuk mewujudkan Akauntabiliti Awam. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, mengkaji isu-isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri. Sepanjang tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri hanya bermesyuarat 2 kali. Bagaimanapun, perbincangan secara umum Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2005 diadakan pada 22 Januari 2007. Manakala Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2006 yang dibentangkan pada 19 November 2007 belum dibincangkan. Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 50**.

**Jadual 50**

**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2005**

Tarikh	Perkara	Jabatan/Agensi
22 Januari 2007	Taklimat mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 dan Kedudukan Masa Kini Laporan Ketua Audit Negara	Jabatan Audit Negara
20 Mac 2007	Perbincangan Mengenai Pengurusan Pengeluaran Hak Milik Strata	Pejabat Tanah Dan Galian

*Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara*

## **PENUTUP**

Kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan dan pengurusan kewangan yang dilaporkan dalam Laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali pertama pada tahun 2007 telah menunjukkan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri ditahap yang baik namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mematuhi standard perakaunan dan prosedur kewangan, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**25 Jun 2008**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2007.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ambrin".

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia.**

**Putrajaya**


**25 Jun 2008**

## Lampiran II


KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
Lembaran Imbangan  
Seperti Pada 31 Disember 2007

Penyata		<u>2007</u>	<u>2006</u>
WANG AWAM		RM	RM
A	WANGTUNAI	5,360,618.05	5,990,405.98
B	PELABURAN	842,085,989.74	764,503,957.73
		847,446,607.79	770,494,363.71
<b>DIPEGANG BAGI: KUMPULANWANG DISATUKAN</b>			
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	373,589,754.33	329,980,714.70
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	473,856,853.46	440,513,649.01
		847,446,607.79	770,494,363.71

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan Penyata dan nota yang dilampirkan.

  
(ROSLAN BIN A. RAHMAN)  
BENDAHARI NEGERI  
PULAU PINANG

15 JAN 2008

  
(DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PULAU PINANG

### Lampiran III

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai  
Seperti pada 31 Disember 2007


		RM	RM
<b>TERIMAAN</b>			
<b>Hasil</b>	<b>Penyata</b>		
Hasil Cukai	C	93,156,980.71	
Hasil Bukan Cukai	C	129,586,414.22	
Terimaan Bukan Hasil	C	73,118,506.35	295,861,901.28
<b>Pinjaman</b>			
Pinjaman Dalam Negeri	C		59,384,574.00
<b>Terimaan Modal</b>			
Terimaan Balik Pinjaman	E1a	6,552,007.15	
Jualan Aset Modal	E1a	4,931,775.89	
Pelbagai Terimaan Modal	E1a	12,781,368.00	
Lain-lain Terimaan	E1a	8,626,500.00	32,891,651.04
<b>Lain-lain Terimaan</b>			
Terimaan Amanah	E		10,455,171.20
Jumlah Terimaan (i)			<b>398,593,297.52</b>
<b>BAYARAN</b>			
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>			
Emolumen	C	78,148,670.76	
Perkhidmatan Dan Bekalan	C	59,677,309.04	
Aset	C	2,179,542.82	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	C	46,067,668.14	
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	C	6,181,580.89	192,254,771.65
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>			
Langsung	E1a	82,109,959.93	
Pinjaman	E1a	47,278,231.86	129,388,191.79
<b>Perbelanjaan Modal</b>			
Pembelian Instrumen Kewangan	B		77,582,032.01
Jumlah Bayaran (ii)			<b>399,224,995.45</b>
Tambahan/(Kurangan) Wangtunai (i) - (ii)			(631,697.93)
Wangtunai pada 1 Januari 2007		5,990,405.98	
Pelarasan Hasil ( Nota 9 )		1,910.00	
Tambahan/(Kurangan) Wangtunai		(631,697.93)	
<b>JUMLAH WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER 2007</b>			<b>5,360,618.05</b>

## Lampiran IV

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
Penyata Akaun Memorandum  
Seperti Pada 31 Disember 2007


	<i>Penyata</i>	<u>2007</u>	<u>2006</u>
		RM	RM
<b>ASET</b>			
Pinjaman Boleh Dituntut	<i>F1&amp;F1i</i>	115,918,611.84	115,470,618.99
<b>Pelaburan</b>			
Pelaburan (Portfolio)	<i>F2a</i>	54,347,293.17	53,643,328.98
Pelaburan (Dana Unit Amanah)	<i>F2b</i>	0.00	5,000,000.00
Pelaburan	<i>F2c</i>	172,833,873.19	172,833,873.19
Penyata Hasil Belum Diterima	<i>F3</i>	78,531,457.60	88,499,052.00
Pajakan Projek Bekalan Air	<i>F4</i>	82,353,000.00	89,979,500.00
		<hr/>	<hr/>
<b>TANGGUNGAN</b>		503,984,235.80	525,426,373.16
Hutang Kerajaan Negeri	<i>G</i>	496,515,049.41	442,000,052.78
		<hr/>	<hr/>
		496,515,049.41	442,000,052.78
		<hr/>	<hr/>

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan Penyata dan nota yang dilampirkan.



(ROSLAN BIN A. RAHMAN)  
BENDAHARI NEGERI  
PULAU PINANG

15 JAN 2008



(DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PULAU PINANG

**Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007**

**Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan denganannya)**

**DASAR DAN KADEAH PERAKAUNAN YANG PENTING**

**1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai Entiti Perakaunan**

Sebagai entiti perakaunan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kecuali Badan-badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan.

**2. Kumpulanwang Disatukan**

Terdapat tiga akaun berasingan diselenggarakan mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu:-

2.1. Akaun Hasil Disatukan (Penyata C). Hasil Kerajaan yang dikutip diakaunkan ke akaun ini dan perbelanjaan mengurus yang dilakukan dikenakan ke atasnya.

2.2. Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D). Mengakaunkan semua penerimaan pinjaman dan pembayaran dibuat termasuk kepada Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkusa Kerajaan Tempatan.

2.3. Akaun Amanah Disatukan (Penyata E). Mengakaunkan semua terimaan dan bayaran bagi Kumpulanwang Amanah Kerajaan.

**3. Akaun Memorandum**

Akaun ini mengakaunkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak diambilkira dalam Kumpulanwang Disatukan, sebaliknya dinyata di dalam Penyata Akaun Memorandum yang mengandungi butir-butir berikut:-

**3.1. Penyata Akaun Memorandum - Aset**

3.1.1. Pinjaman Boleh Ditutut [Penyata Memorandum F1 dan Penyata F1(i)].

3.1.2. Penyata Pelaburan (Penyata Memorandum F2a dan F2b)

3.1.3. Penyata Hasil Belum Terima (Penyata Memorandum F3).

3.1.4. Penyata Pajakan Projek Bekalan Air (Penyata Memorandum F4)

**Pajakan**

Pajakan projek-projek bekalan air Kerajaan Negeri meliputi asset dan kemudahan bekalan air melalui perjanjian yang telah ditandatangani.

**3.2. Penyata Akaun Memorandum - Tanggungan**

Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam Negeri [Penyata G1]

**4. Konsep Asas**

Dasar Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan kepada dua konsep seperti tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan.

4.1. Konsep Kumpulanwang Disatukan yang memerlukan segala hasil dan wang yang dikutip atau diterima kecuali Zakat, Fitrah, Baitulmal, Wakaf atau hasil Agama Islam yang seumpamanya (Perkara 97); dan

4.2. Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tertentu boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Perkara 104).

**5. Dasar Perakaunan**

Asas perakaunan yang digunakan bagi kedua-dua hasil dan perbelanjaan Kerajaan ialah sistem tunai. Sistem perakaunan tunai ubahsuai yang digunakan sekarang membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun tahun itu.

**6. Tahun Kewangan**

Tahun Kewangan ditetapkan oleh Akta Prosedur Kewangan sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007**

**(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan dengannya)**

**7. Aset dan Tanggungan**

Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan seperti pinjaman boleh dituntut tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan tetapi ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum Aset (Penyata F2).

Tuntutan kewangan atas Kerajaan yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan juga tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Tetapi tanggungan ini ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum Tanggungan (Penyata G).

**WANG AWAM**

**8. Wang Tunai dan Pelaburan**

Wang Tunai (Penyata A) dan Pelaburan (Penyata B) yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan adalah terdiri dari kelebihan terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulanwang Disatukan. Pelaburan diambilkira pada nilai buku dengan nilai-nilai nominal dan pasarannya ditunjukkan untuk perbandingan. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus pula ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**AKAUN HASIL DISATUKAN**

**9. Hasil**

Kutipan hasil (Penyata C1) diakaunkan atas asas tunai. Hasil sebenar yang dipungut diakaunkan. Bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan kepada perbelanjaan.

Baki Akaun Hasil Disatukan pada 1 Januari 2007 iaitu RM 329,982,624.70 adalah termasuk terimaan sejumlah RM 1,910.00 yang diterima dan diselaraskan dalam tahun 2006 tetapi telah tidak diambilkira sebagai hasil pada tahun 2006 semasa penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2006.

**10. Perbelanjaan**

Semua kenaan kepada peruntukan kewangan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian, pinjaman dan pelaburan dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada hasil.

**11. Perbelanjaan Tanggungan**

Perbelanjaan tanggungan (Penyata C2) terdiri dari perbelanjaan yang diwajibkan dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut mana-mana Undang-undang Negeri. Ia termasuk pence, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan gantirugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dibahaskan.

**AKAUN AMANAH DISATUKAN**

**12. Kumpulanwang Pembangunan**

Ianya ditubuhkan oleh Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dan diakaunkan dalam Akaun Amanah (Penyata E1a). Terimaan Kumpulanwang ini terdiri daripada pinjaman yang diambil bagi maksud Pembangunan, caruman dari Akaun Hasil dan terimaan balik pinjaman yang diberi dari Kumpulanwang Pembangunan. Perbelanjaan hanya boleh dibuat untuk maksud-maksud tertentu seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan.

**Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007**

**Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan dengannya)**

**AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

**13. Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan (Penyata E1) ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi maksud tertentu.

**14. Kumpulanwang Amanah Awam**

Kumpulanwang Amanah Awam (Penyata E2) ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan, terdiri dari kumpulanwang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

**15. Deposit**

Akaun Amanah bagi deposit (Penyata E3) mengakaunkan wang yang telah diterima khusus bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau mengikut perjanjian.

**16. Pinjaman**

Pinjaman yang diambil di bawah kuasa undang-undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan diakaunkan dalam Akaun Pinjaman (Penyata D).

**17. Hutang Awam**

Hutang Awam yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan, Bank-bank dan punca kewangan yang lain yang masih belum diselesaikan. Ianya dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum G1.

**Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan  
Agenzia Kerajaan Negeri Sehingga 31 Mei 2008**

Bil.	Nama Agensi	Penyata Kewangan Disahkan (Tahun)	Penyata Kewangan Sedang Diaudit (Tahun)	Penyata Kewangan Belum Diserahkan (Tahun)
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	2006	2007	-
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang	2006	2007	-
3.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	2006	-	2007
4.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	2006	-	2007
5.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	2006	2007	-
6.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	2006	2007	-
7.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	2007	-	-
8.	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	2006	2007	-
9.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2006	2007	-
10.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	2006	2007	-

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara